



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)

**LAPORAN PASUKAN PETUGAS
SIASATAN KE ATAS
KES KEMATIAN JAMES RAMESH A/L RAMASAMY
SEMASA DALAM TAHANAN POLIS**

ISI KANDUNGAN

Butiran	Tajuk	Muka Surat
1	PENGENALAN	3 - 4
2	PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS	4 - 5
3	TERMA-TERMA RUJUKAN	5 - 6
4	TATACARA PASUKAN PETUGAS	7 - 17
5	KETERANGAN SAKSI	18 – 61
6	ANALISA DAN DAPATAN SIASATAN	61 - 78
7	PROSIDING INKUES DI MAHKAMAH KORONER	78 - 80
8	SYOR DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	80 - 83
9	PENGHARGAAN	83
10	SENARAI LAMPIRAN-LAMPIRAN	84

**LAPORAN PASUKAN PETUGAS
SIASATAN KE ATAS
KES KEMATIAN JAMES RAMESH A/L RAMASAMY
SEMASA DALAM TAHANAN POLIS**

1. PENGENALAN

- 1.1 Pada 26.5.2013 lebih kurang jam 10.30 pagi James Ramesh a/l Ramasamy (JR / Si Mati) berusia 39 tahun seorang tahanan narkotik Cawangan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu 00 Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang telah ditemui tidak sedarkan diri di dalam sel No. 5 Lokap HQ, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.
- 1.2 Pada jam 11.16 pagi 26.5.2013, Encik Rueben Isaac a/l Muthuswami, Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Pulau Pinang telah tiba di sel No. 5 tersebut dan membuat pemeriksaan ke atas JR dan mendapati JR telah meninggal dunia.
- 1.3 Kes kematian JR telah mendapat perhatian umum melalui laporan oleh akhbar-akhbar dan media sosial.
- 1.4 Pada 28.5.2013 mesyuarat ahli-ahli Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Suruhanjaya) telah memutuskan bahawa selaras dengan fungsinya di bawah seksyen 4 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dan demi kepentingan awam, suatu penyiasatan di

bawah seksyen 26 Akta 700 akan dilakukan ke atas kematian JR tersebut. Bagi tujuan siasatan tersebut, satu Pasukan Petugas (*Task Force*) akan ditubuhkan. Lanjutan itu, satu kenyataan media bertarikh 5.6.2013 telah dikeluarkan oleh Setiausaha Suruhanjaya.

- 1.5 Pada 11.6.2013, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta 700 untuk menjalankan siasatan di bawah seksyen 28 Akta yang sama. Selaras dengan seksyen 15 Akta 700, Suruhanjaya juga telah bersetuju bagi melantik dua orang perunding bagi membantu Pasukan Petugas. Satu kenyataan media bertarikh 11.6.2013 telah dikeluarkan oleh Setiausaha Suruhanjaya berkaitan perkara tersebut termasuk terma-terma rujukan (*terms of reference*) dan keahlian Pasukan Petugas.

2. PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS

Keahlian Pasukan Petugas yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

Nama	Keanggotaan
Datuk Heliliah Mohd Yusof Pengerusi Suruhanjaya	Penyelia
Dato' Sri Robert Jacob Ridu Pesuruhjaya	Penyelia
Encik Idham Hj Abdul Ghani Setiausaha Suruhanjaya	Penyelaras

Encik Ahmad Razif Mohd Sidek Pengarah Bahagian Operasi	Setiausaha
Puan Foo Hui Yi Pengarah Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi	Ahli
Puan Eda Mazuin Abdul Rahman Penasihat Undang-undang	Ahli
Encik Rosli Hussain Pegawai Penyiasat	Ahli
Tan Sri Dato' Seri Jamil Johari Mantan Timbalan Ketua Polis Negara	Perunding
Encik Lim Chee Wee, Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia	Perunding

3. TERMA-TERMA RUJUKAN

Terma-terma Rujukan (*terms of reference*) Pasukan Petugas adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai / anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) semasa mengendalikan tahanan tersebut;

- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
- (a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
 - (b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures* (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
 - (c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.
- iii. Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau pengubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang;
- iv. Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700; dan
- v. Untuk menyedia dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

4. TATACARA PASUKAN PETUGAS

- 4.1 Sebaik ditubuhkan, Pasukan Petugas bersama perunding yang dilantik telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk menetapkan kaedah siasatan dan protokol tatacara yang terlibat. Sejumlah enam mesyuarat telah diadakan.
- 4.2 Pasukan Petugas memutuskan bagi siasatan dijalankan dalam peringkat-peringkat berikut:
 - i. pengumpulan maklumat awal secara mendapatkan dokumen-dokumen yang relevan selaras dengan terma rujukan;
 - ii. lawatan ke tempat kejadian; dan
 - iii. merekodkan keterangan saksi-saksi di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah dibaca bersama seksyen 32 Akta 700.

4.3 Merakam keterangan saksi-saksi

- 4.3.1 Pada 19.8.2013 hingga 30.9.2013, Pasukan Petugas telah merakamkan keterangan sejumlah 32 orang saksi di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah. Keterangan saksi-saksi diambil oleh Pasukan Petugas di Dewan Persidangan Hotel Cititel, Pulau Pinang yang diubahsuai khas bagi merakam keterangan saksi-saksi dan di beberapa lokasi lain.

4.3.2 Senarai saksi-saksi dan relevansi saksi terlibat adalah seperti berikut:

- i. Kpl. Jeffry bin Abdullah (A1) – anggota yang membuat tangkapan JR semasa operasi TAPIS;
- ii. Kpl. Logason a/l Ramiah (A2) - anggota yang menyelia operasi TAPIS;
- iii. Kpl. Abdul Rahman bin Makeshot (A3) – anggota pasukan operasi TAPIS;
- iv. Kpl. Hamid bin Taib (A4) - pemandu van pasukan operasi TAPIS;
- v. Sarjan Mejar Charanjit Singh a/l Baksh Singh (A5) – Penolong Pegawai Penyiasat kes narkotik;
- vi. Kpl. Rohizan bin Yahya (A6) – Ketua Lokap HQ bagi giliran jam 3.00 petang hingga 11.00 malam pada 25.5.2013;
- vii. Konst. Mohamad Khairol bin Ishak (A7) – anggota bertugas Lokap HQ dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam pada 25.5.2013;

- viii. Konst. Rijalulah bin Rayah (A8) – anggota bertugas Lokap HQ dari jam 4.00 petang hingga jam 12.00 tengah malam pada 25.5.2013;
- ix. Insp. Mohammad Khairul bin Ali (A9) – Ketua Polis Balai (KBP)/ Timbalan Penjaga Lokap HQ;
- x. Kpl. Lee Heng Kok (A10) – Ketua Pengawal Lokap HQ bagi giliran jam 11.00 malam 25.5.2013 hingga jam 7.00 pagi 26.5.2013;
- xi. ASP Donny anak John Jubang (A11) – Pegawai Rondaan / lawatan lokap yang membuat lawatan ke Lokap HQ pada jam 11.45 malam 25.5.2013;
- xii. Konst. Noor Azam bin Zainuddin (A12) – anggota pengawal Lokap HQ giliran jam 12.00 tengah malam 25.5.2013 hingga jam 8.00 pagi 26.5.2013;
- xiii. Konst. Mohd Hazlan bin Dius (A13) – anggota pengawal Lokap HQ giliran jam 12.00 tengah malam 25.12.2013 hingga jam 8.00 pagi 26.5.2013;
- xiv. Insp. S. Ravendran a/l Selvaraju (A14) – Pegawai Rondaan / lawatan Lokap HQ yang membuat lawatan pada jam 12.05 tengah malam 26.5.2013;

- xv. Kpl. Selvanathan a/l Copusamy (A15) – Ketua Lokap HQ bagi giliran jam 7.00 pagi 26.5.2013 hingga jam 3.00 petang 26.5.2013;
- xvi. Konst. Nik Mohd Azmi bin Mat Hussin (A16) – anggota bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis HQ dari jam 4.00 petang 25.5.2013 hingga jam 12.00 tengah malam 25.5.2013;
- xvii. Konst. Alias bin Mohamad (A17) – anggota Lokap HQ giliran jam 8.00 pagi 26.5.2013 hingga jam 4.00 petang 26.5.2013;
- xviii. Kpl. Shaari bin Lajim (A18) – anggota bertugas yang datang ke Lokap HQ pada jam 10.00 pagi 26.5.2013 untuk membawa JR bagi perintah reman di hadapan Majistret;
- xix. Kpl. Sabberi bin Abdullah (A19) – anggota pengiring bersama A18 bagi membawa JR bagi perintah reman pada 26.5.2013;
- xx. Kpl. Zainuddin bin Ibrahim (A20) – Ketua Pejabat Pertanyaan Balai Central yang menelefon ambulan setelah dimaklumkan bahawa JR tidak sedarkan diri dan membuat laporan polis ke atas kejadian kematian JR;

- xxi. Dato' Dr. Bhupinder Singh (A21) – Pakar Perunding Forensik Hospital Pulau Pinang yang menjalankan *post mortem* ke atas mayat JR di Hospital Pulau Pinang pada 27.5.2013 jam 9.25 pagi;
- xxii. Dr. Parvindarjit Kaur (A22) – Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan, Jalan Maclister, Georgetown yang merawat JR bagi program rawatan terapi setelah JR disahkan positif “opoid/heroin” pada 3.5.2011;
- xxiii. Puan Paruwadey a/p Arumokam (A23) – ibu JR dan mengecam mayat JR di hospital;
- xxiv. Encik Rueben Isaac Muthuswami (A24) Penolong Pegawai Perubatan (AMO), Hospital Besar, Pulau Pinang yang hadir memeriksa mayat JR di Lokap HQ pada jam 11.18 pagi 26.5.2013 dan mengesahkan JR telah meninggal dunia;
- xxv. Dr. Goon Hoong Huat (A25) – Pegawai Perubatan, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Pulau Pinang yang membantu A21 membuat *post mortem* ke atas mayat JR;
- xxvi. Puan Siti Norlela binti Ishak (A26) – Pegawai Sains/Kimia Hayat, Jabatan Patalogi, Hospital

- Pulau Pinang yang menerima serahan sampel air kencing JR;
- xxvii. Puan Yap Yook Mooi (A27) – Juruteknik Makmal Perubatan, Unit Patalogi Kimia, Jabatan Patalogi, Hospital Pulau Pinang yang menjalankan ujian analisa sampel air kencing JR di bawah penyeliaan A26;
- xxviii. Konst. Lawrenceson anak Ajon (A28) – anggota pasukan operasi yang menangkap JR bersama A1, A2 dan A3 dan membuat serahan sampel air kencing JR kepada A26;
- xxix. Encik Thangaveloo a/l Gopal (A29) – orang tangkapan (penagih dadah) yang ditangkap bersama-sama JR dan ditempatkan di sel No. 5 Lokap HQ pada 25.5.2013 hingga 26.5.2013 (sel yang sama dengan JR);
- xxx. Encik Nathan a/l Ponusamy (A30) – orang tangkapan (penagih dadah) yang ditangkap di tempat lain dalam operasi ke atas penagih dadah dan ditempatkan di sel No. 5 Lokap HQ pada jam 5.00 petang 25.5.2013 (sel yang sama dengan JR);
- xxxi. Encik Ramli bin Harun (A31) – orang tangkapan (penagih dadah) yang ditangkap bersama-sama

JR dan ditempatkan di sel No. 5 Lokap HQ pada 25.5.2013 hingga 26.5.2013 (sel yang sama dengan JR); dan

- xxxii. Datuk Mortadza bin Nazarene (A32) – Pengarah, Jabatan Pengurusan PDRM, Bukit Aman yang di antara lain bertanggungjawab ke atas keseluruhan urusan pentadbiran Jabatan PDRM termasuk pengurusan lokap-lokap polis.

4.4 Lawatan dan pemeriksaan di tempat kejadian - Lokap Ibu Pejabat Kontinjen Pulau Pinang (Lokap HQ)

4.4.1 Pada 19.8.2013, selaras dengan siasatan Pasukan Petugas dan fungsi Suruhanjaya di bawah seksyen 4(1)(h) Akta 700, Pasukan Petugas telah membuat lawatan ke Lokap HQ yang berada di bawah penyeliaan Balai Polis Central. Lawatan dan pemeriksaan tersebut dilakukan pada jam 4.30 petang hingga 5.00 petang.

4.4.2 Semasa sesi lawatan ini, Pasukan Petugas telah diberi taklimat mengenai tatacara pengurusan lokap oleh Insp. Mohamad Khairul bin Ali, Ketua Polis Balai HQ (A9) dan ASP Mohamad Khalil bin Khalid [Pegawai Penyiasat kes “*Sudden Death Report*” (SDR) ke atas kematian JR].

4.4.3 Hasil lawatan, taklimat dan pemeriksaan menzhirkan perkara-perkara berikut:

- i. terdapat 14 sel lokap di Lokap HQ;
- ii. maksimum 10 orang tahanan boleh ditempatkan di satu-satu sel;
- iii. Lokap HQ tersebut telah diwartakan di bawah P.U.(B)579/79, tulisan warta terdapat pada pintu masuk lokap;
- iv. setiap sel telah dinomborkan dari No. 1 hingga No.14;
- v. sel No. 1 tidak digunakan untuk orang tahanan. Sel No. 1 hanya digunakan untuk menyediakan makanan ke atas orang tahanan;
- vi. terdapat CCTV ditempatkan di (i) bahagian siling pejabat lokap, (ii) lorong masuk dengan memfokuskan kepada pintu masuk utama, dan (iii) semua sel kecuali sel No. 1;
- vii. CCTV tersebut berfungsi 24 jam;
- viii. “Monitor” pemantauan CCTV ditempatkan di Bilik Pengawal Lokap;
- ix. terdapat satu pangkin kayu bersaiz besar bagi tahanan tidur di atasnya;
- x. semua tahanan yang ditempatkan di dalam Lokap HQ ini adalah tahanan kes narkotik sahaja; dan
- xi. Lokap HQ ini telah ditutup sejak 15.7.2013.

4.5 Pemeriksaan dokumen dan rakaman CCTV

Selaras dengan kuasa di bawah seksyen 32 Akta 700, Pasukan Petugas telah mengambil dan memeriksa sejumlah 98 jenis dokumen-dokumen dan cakera padat (CD) mengandungi rakaman CCTV berkaitan, antaranya seperti berikut:

- i. Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN BHG.A 118) mengenai Pengurusan Lokap (D59);
- ii. Perintah Tetap Ketua Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang – Pengurusan Lokap (D11);
- iii. Prosedur Kerja (SOP) Membuat Laporan Polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (D5);
- iv. Prosedur Kerja (SOP) Tangkapan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (D5B);
- v. Peraturan Pengambilan Spesimen Air Kencing Dari Orang Yang Disyaki Pengguna Dadah Untuk Ujian Di Bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998)(D84);
- vi. Jalan Patani Rpt 005854/13 – laporan tangkapan JR (D1);
- vii. Borang Hak-Hak Orang Yang Ditangkap (seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah) (D2);
- viii. Surat Perberitahuan Kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) bertarikh 26.5.2013 (D3);
- ix. Polis Central Rpt. 2622/2013 – laporan kematian JR (P4);

- x. 13 keping gambar Lokap HQ (P6);
- xi. Dua keping gambar tempat di mana JR ditangkap (Lampiran E);
- xii. Rajah Kasar Lokap HQ sel No. 1 hingga No. 14 (P20);
- xiii. Senarai Lokap Pol 84 bagi orang-orang salah yang belum dijatuh hukuman (P8);
- xiv. Resit bagi orang salah dan harta orang salah Pol 56 (resit No. 1762/13 – James Ramesh a/l Ramasamy)(P9);
- xv. 13 Buku Saku dan Buku Perharian Rasmi anggota dan pegawai polis (Pol 5) bagi tarikh 25.5.2013 hingga 26.5.2013 (D29-D40);
- xvi. Buku Daftar Makanan OKT Lokap HQ yang mencatatkan jenis-jenis makanan dan minuman dan dibekalkan kepada Lokap HQ dari tarikh 20.5.2013 hingga 30.5.2013 (P12);
- xvii. Buku Daftar Keluar / Masuk OKT Lokap HQ Narkotik yang mencatatkan pergerakan OKT ke mahkamah pada tarikh 25.5.2013 dan 26.6.2013 (P11);
- xviii. Buku Lawatan Pegawai Lokap HQ yang mencatatkan lawatan pegawai dan anggota di Lokap HQ dari tarikh 25.5.2013 hingga 30.5.2013 (P13);
- xix. Buku Perharian Balai Lokap HQ – Pol 40 yang mencatatkan aktiviti atau kejadian-kejadian di lokap dari tarikh 24.5.2013 hingga 27.5.2013 (P10);
- xx. Buku Daftar Permintaan untuk Pemeriksaan Doktor bagi orang yang terlibat dalam Kes Polis – Pol 59 (D16);
- xxi. Laporan Bedah Siasat ke atas JR (P3);

- xxii. Borang Contoh Dan / Atau Barang Kes Untuk Pemeriksaan Atau Cerakinan, Central Aduan No. 2262/13 bertarikh 26.5.2013 bagi “Ujian Toksikologi dan Alkohol” (D63);
- xxiii. Gambar rakaman CCTV Lokap HQ dari 25.3.2014 masa 16:15:20 hrs hingga 26.5.2013 masa 11:23:26 hrs (P21);
- xxiv. 42 keping gambar *post mortem* JR (P1[1-42]) – (dikemukakan oleh jurufoto polis ketika prosiding inkues);
- xxv. Resit Kimia (No. Makmal 13-FR-P-00709 (P17);
- xxvi. Laporan Kimia hasil ujian darah dan air kencing JR (No. Makmal 13-FR-P-00709 bertarikh 10.9.2013 (P18);
- xxvii. Rekod Pengeluaran Spesimen dan Pengeluaran Keputusan Dadah (D42);
- xxviii. Surat permohonan memperbaharui kad pengenalan hilang / rosak James Ramesh a/l Ramasamy oleh Hospital Pulau Pinang Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental bertarikh 6.3.2010 (D80);
- xxix. Cabutan Daftar Kad Pengenalan James Ramesh a/l Ramasamy (D41);
- xxx. Borang *Pre Hospital Care* Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Besar Pulau Pinang bertarikh 26.5.2013 (D81); dan
- xxxi. CD rakaman sel No. 5 daripada masa JR dimasukkan ke dalam sel pada 25.5.2013 hingga 26.5.2013.

5. KETERANGAN SAKSI

5.1 **Kpl. Jeffry bin Abdullah** (A1) telah memasuki PDRM sejak 1.7.2002. A1 mengatakan pada jam 10.00 pagi 25.5.2013, A1 bersama lima anggota lain telah memulakan operasi yang dinamakan OPS TAPIS di sekitar Georgetown bagi menangkap penagih-penagih dadah. Tumpuan pada hari itu adalah di Jalan Patani. Pada jam 12.45 tengah hari, A1 dan pasukannya setelah memperkenalkan diri dan telah menahan JR bersama seorang lelaki lain berhampiran Balai Rakyat di Jalan Patani. JR sebelum itu pernah juga ditangkap bagi kes penagihan dadah. A1 mengatakan ketika ditangkap JR kelihatan seperti orang yang di dalam ketagihan dadah, selekeh, dan mulut berbau busuk dari minuman keras. A1 mengatakan terdapat botol minuman keras berhampiran tempat JR ditahan. Tiada sebarang dadah dijumpai dari pemeriksaan tubuh badan JR. JR tidak agresif semasa ditangkap. JR tidak mempunyai kad pengenalan ketika ditangkap dan hanya secara pengakuan dari mulut tentang nama dan alamatnya. JR tidak ingat nombor kad pengenalannya. JR telah dibawa balik ke IPD Timur Laut dengan menggunakan van pasukan dan tiba pada jam 1.30 petang. Pada jam lebih kurang 2.00 petang A1 membuat saringan air kencing. Saringan juga dibuat ke atas tangkapan lain bernama Encik Suresh Kumar yang ditangkap bersama JR. Hasil saringan air kencing melihatkan JR positif dadah morfin. Tahanan bernama

Suresh Kumar pula adalah negatif dan dia dibebaskan di bawah arahan Pegawai Penyiasat Insp. Khairi. Pada jam 2.07 petang, A1 membuat laporan polis di atas tangkapan JR dan saringan ujian air kencing tersebut (P1). Di atas arahan SM Charanjit Singh (A5) iaitu Penolong Pegawai Penyiasat Narkotik, A1 kemudiannya membawa JR ke Lokap HQ, Jalan Penang bagi ditahan di sana dan tiba di Lokap HQ lebih kurang 3.10 petang. Di Lokap HQ, A1 mengisi borang kemasukan orang tangkapan dan menyerahkan borang dan JR kepada penyelia lokap bersama-sama salinan laporan tangkapan. Tugas A1 tamat selepas JR dibuat serahan kepada Penyelia Lokap HQ tersebut.

- 5.2 **Kpl. Logason a/l Ramiah** (A2) telah memasuki PDRM sejak 1.3.1980. A2 mengatakan pada 25.5.2013 beliau menjadi penyelia kepada pasukan operasi OPS TAPIS bagi menangkap penagih dadah (6 anggota sepasukan). Pada jam lebih kurang 12.00 tengah hari, pasukan beliau yang turut dianggotai oleh A1 telah menangkap JR dan tiga lelaki lain yang sedang melepak di hadapan Balai Rakyat, Jalan Patani. Tiada sebarang kekerasan digunakan semasa tangkapan JR kerana JR tidak melawan. Tiada dadah dijumpai. Tangkapan dibawa balik ke Cawangan Narkotik, IPD Timur Laut bagi dibuat saringan air kencing. Saringan air kencing melihatkan JR positif dadah morfin. Seorang lagi tangkapan bernama Ramli (A31) juga positif dadah jenis ganja. A2 mengarahkan A1 supaya memaklumkan

tangkapan kepada SM Charanjit Singh (A5) iaitu Penolong Pegawai Siasatan Narkotik IPD Timur Laut dan A5 datang melihat orang tangkapan dan mengambil salinan laporan tangkapan dan mengarahkan A1 membawa JR dan Ramli ke Lokap HQ bagi tahanan.

- 5.3 **Kpl. Abdul Rahman bin Makeshot** (A3) telah memasuki PDRM sejak 16.10.1988. Pada 25.5.2013, A1 bersama pasukan operasi OPS TAPIS yang diselia oleh A2 telah menangkap JR dan tiga lelaki lain (2 Melayu dan 2 India). A3 membantu dalam tangkapan lelaki lain tersebut. JR ditangkap oleh A1. JR tidak agresif ketika ditangkap. A3 mengatakan A3 juga pernah menangkap JR sebelum ini bagi kesalahan ketagihan dadah dan oleh itu A3 cam JR. Tiada apa-apa dokumen pengenalan diri dijumpai dari JR. Tangkapan dibawa balik ke IPD Timur Laut bagi saringan air kencing. Di IPD Timur Laut saringan air kencing dibuat disaksikan oleh semua tangkapan tersebut. Dua tangkapan iaitu JR dan Ramli (A31) didapati positif dadah. Dua lagi tangkapan didapati negatif dan dibebaskan atas arahan Pegawai Penyiasat. A3 kemudiannya bersama-sama A1 telah membawa JR dan Ramli (A31) bagi ditahan di Lokap HQ yang dikhaskan bagi tahanan penagih dadah. Urusan serahan tangkapan kepada penyelia lokap mengambil masa 10 minit dan selepas itu tugas A3 selesai.

- 5.4 **Kpl. Hamid bin Taib** (A4) telah mula berkhidmat dalam PDRM pada 5.1.1986. Pada 25.5.2013, A4 menjadi pemandu kepada van pasukan bagi operasi OPS TAPIS yang diselia oleh A2. A4 mengesahkan JR bersama tiga lagi tangkapan di bawa balik ke IPD Timur Laut dengan van pasukan yang dipandu oleh beliau. A4 tidak terlibat dalam tangkapan. Selepas saringan air kencing ke atas tangkapan, A4 mengiringi A1 dan A3 bagi membawa JR dan Ramlie ke Lokap HQ bagi ditahan.
- 5.5 **Konst. Lawrenceson anak Ajon** (A28) telah memasuki PDRM pada 1.3.2010. Pada 25.5.2013 A28 menyertai pasukan operasi OPS TAPIS di bawah seliaan A2. A28 hanya menjadi anggota yang mengawal semasa tangkapan dan membawa pulang tangkapan ke IPD Timur Laut dan juga semasa JR bersama yang lain dibawa ke Lokap HQ. Pada 28.5.2013, A28 telah diarahkan oleh SM Charanjit Singh (A5) bagi menghantar botol berisi sampel air kencing JR ke Jabatan Patalogi, Hospital Pulau Pinang bersama borang permohonan ujian (D19). Pada 29.5.2013, A28 mengambil keputusan ujian di Jabatan Patalogi, Hospital Pulau Pinang (D19) dan menyerahkannya kepada A5.
- 5.6 **Sarjan Mejar Charanjit Singh** (A5) telah memasuki PDRM pada 12.10.1980. Pada 25.5.2013, A5 bertugas

sebagai Penolong Pegawai Penyiasat kes-kes narkotik di IPD Timur Laut. Peranan A5 sebagai Penolong Pegawai Penyiasat (AIO) bermula sebaik menerima mana-mana tangkapan yang telah menjalani ujian saringan air kencing yang disahkan sebagai positif dadah. Pada 25.5.2013 jam 2.30 petang, A5 bertemu JR yang telah menjalani saringan air kencing dan didapati positif dadah di Cawangan Narkotik, IPD Timur Laut. A5 mengatakan JR “sudah tidak asing lagi dengan Cawangan Narkotik berhubung dengan masalah penagihan dadah ianya boleh dikelaskan sebagai penagih tegar dadah”. A5 mengatakan mulut JR berbau arak ketika bercakap. A5 mengatakan JR tidak mahu menghubungi keluarganya tentang tangkapan walaupun diminta hubungi keluarganya. JR juga tidak mahu memberikan “*contact number*” bagi keluarganya atau waris dihubungi. JR tiada kad pengenalan kerana dikatakan telah hilang. A5 mengatakan JR tidak mengadu sebarang kesakitan dan oleh itu A5 tidak menghantar JR ke hospital. A5 juga mengatakan A5 ada bertanyakan JR jika JR memerlukan apa-apa rawatan hospital dan JR mengatakan tidak sakit. A5 kemudiannya telah mengarahkan A1 bagi membawa JR bagi ditahan di Lokap HQ iaitu lokap khas bagi penagih dadah. Lokap di IPD Timur Laut hanya bagi tahanan kesalahan kes-kes pengedaran dadah. Selanjutnya pada jam 7.45 malam, A5 membuat lawatan ke Lokap HQ bagi mendapatkan nombor kad pengenalan JR. A5 berdiri di

luar sel No. 5 dan bertanyakan nombor kad pengenalan JR tetapi JR tidak ingat. A5 berada di Lokap HQ lebih kurang 10 minit. A5 kemudiannya menguruskan persediaan senarai nama bagi mendapatkan tahanan reman ke atas tangkapan termasuk ke atas JR. Pada jam 10.30 pagi 26.5.2013 A5 menunggu di mahkamah bagi urusan reman. Bagaimanapun pada jam 11.00 pagi semua tangkapan yang disenaraikan dibawa oleh anggota eskot kecuali JR. Anggota pengiring bernama Kpl. Shaari bin Lajim (A18) memaklumkan kepada A5 bahawa JR tidak dapat dibawa kerana tidak sedarkan diri. Pada jam 11.20 pagi, A5 diberitahu oleh Kpl. Shaari bin Lajim (A18) bahawa JR telah meninggal dunia. Pada jam 11.40 pagi A5 tiba di Lokap HQ dan terus ke sel No. 5 dan melihat JR dalam keadaan terbaring di bahagian hadapan sebelah kiri dalam sel No. 5. A5 mengatakan sepanjang tempoh JR ditahan di Lokap HQ, tidak ada apa-apa soal siasat dijalankan ke atas JR.

- 5.7 **Kpl. Rohizan bin Yahya (A6)** telah berkhidmat dalam PDRM selama 30 tahun. Pada 25.5.2013, A6 menjadi Ketua Lokap HQ bagi giliran tugas jam 3.00 petang hingga 11.00 malam. Sebagai ketua lokap, tanggungjawab A6 termasuk - (i) menerima dan mengeluarkan orang tahanan, (ii) menjaga makan minum orang tahanan serta keadaan kesihatan orang tahanan jika memerlukan rawatan perubatan; dan (iii) menjaga keselamatan lokap supaya orang tahanan

tidak melarikan diri. Selaku ketua lokap, A6 bertanggungjawab menerima serahan orang tahanan bagi tahanan lokap dan juga barang serta pakaian orang tahanan yang perlu direkodkan dan disimpan dengan selamat. Sebelum ditempatkan di dalam lokap, orang tahanan akan diberi baju dan seluar lokap sebagai ganti kepada pakaian yang sedia dipakai oleh orang tahanan. Menurut A6 terdapat 14 sel di Lokap HQ. Hanya 13 sel digunakan bagi menyimpan orang tahanan, iaitu sel No. 2 hingga sel No. 14. Sel No. 1 digunakan untuk tempat penyediaan makanan bagi orang tahanan apabila bekalan makanan sampai. Makanan dibekalkan tiga kali sehari, iaitu sarapan dari jam 6.00 pagi hingga 7.30 pagi, makan tengah hari dari jam 12.00 tengah hari hingga 1.30 petang, dan makan malam dari jam 6.00 petang hingga 7.30 malam. Sarapan yang biasa dibekalkan ialah nasi, mee hon goreng, roti dan teh. Kadangkala tahanan mengadu makanan yang dihidangkan tidak mencukupi. Bagi makan tengah hari selain nasi terdapat ikan, sayur dan minuman sama ada *blackcurrant* atau sirap. Pembekal biasanya menghantar minuman dalam tong dan anggota lokap akan tuangkan dalam cerek kecil. Setiap sel diberi satu cerek dan 2 cawan. Oleh itu, orang tahanan akan berkongsi cawan. Nasi akan dibungkus dengan kertas minyak berwarna coklat. Satu paket makanan akan diperiksa dahulu oleh ketua lokap sebelum diedarkan kepada tahanan. Menu makanan dicatatkan dalam Buku Daftar Makanan OKT Lokap

HQ. Setiap sel dipantau oleh CCTV secara 24 jam berterusan. Monitor kepada CCTV terletak di meja di bilik pengawal lokap. Di bilik pengawal lokap terdapat dua meja, satu bagi ketua lokap di bahagian hadapan, dan satu bagi pengawal lokap. Rondaan ke lokap akan dibuat pada setiap satu jam oleh anggota lokap. Terdapat ruang di antara sel-sel dengan kawasan rondaan. Pada 25.5.2013 A6 bertugas bersama Kons. Khairul dan Kons. Mohamad Rijal (A8) dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam. Pada setiap giliran (*shift*) tugas lokap terdapat tiga anggota. A6 hadir satu jam lebih awal pada 25.5.2013 bagi membolehkan anggota bertugas sebelumnya memberikan taklimat kepada A6 ke atas perkara-perkara penting yang memerlukan perhatian A6 sebagai ketua lokap. Pada 25.5.2013 taklimat diberikan oleh Kpl. Zainuddin (A20). Terdapat 93 orang tahanan dalam Lokap HQ semasa A6 mengambil alih tugas. Setiap anggota bertugas lokap tidak dibenarkan membawa wang lebih daripada RM50.00 dan tidak boleh juga membawa senjata api. Menurut A6 lagi JR dimasukkan ke dalam sel No. 5 Lokap HQ pada jam 4.20 petang. A6 membuat catatan dalam *Station Diary* nombor siri 4502. A6 juga menerima sesalinan laporan tangkapan. Menurut A6, sekiranya orang tahanan dibawa keluar, catatan hendaklah dibuat dalam *Station Diary* dan juga Buku Daftar Keluar Masuk OKT Lokap HQ Narkotik. Buku ini disimpan di lokap. Ketua Lokap akan mengisikan *Station Diary*. Buku Daftar Keluar OKT Lokap HQ pula

akan diisikan oleh anggota pengiring yang mengambil keluar OKT. Sebelum JR dimasukkan ke lokap, A6 telah melihat anggota badan JR telah diperiksa oleh Konst. Muhamad Rijal (A8) dan mendapati tiada apa-apa kecederaan dialami oleh JR. JR juga tidak memberitahu A6 sebarang sakit atau tidak sihat atau minta dibawa ke hospital. Tiada terdapat apa-apa barang lain dari JR kecuali pakaian JR yang digantikan dengan pakaian lokap. JR ditempat di sel No. 5 bersama 8 tahanan lain. Sel No. 5 boleh menampung 10 orang tahanan pada satu-satu masa. Oleh itu, terdapat 9 orang tahanan di sel No. 5 pada jam 4.20 petang 25.5.2013. Pada jam 6.20 petang A6 membuat rondaan sel, tiada sebarang perkara luar biasa berlaku. Pada jam 7.00 malam A6 mengedarkan makanan kepada orang-orang tahanan dengan bantuan dua anggota konstabel bertugas. Makanan dan minuman diletakkan di hadapan sel masing-masing. A6 tidak melihat sama ada JR mengambil makanan atau tidak. Makanan yang diletakkan boleh diambil melalui ruang jeriji sel. Tahanan akan makan di dalam sel yang berkunci. Pada jam 8.15 malam Konst. Mohamad Khairol (A7) membuat rondaan sel-sel, tiada apa-apa kejadian luar biasa berlaku. Pada jam 9.30 malam A6 membuat rondaan ke sel-sel, tiada apa-apa kejadian luar biasa berlaku. Pada jam 9.50 malam Insp. Mohd Khairul bin Ali (A9) iaitu Ketua Polis Balai HQ datang melawat lokap selaras dengan kehendak Perintah Tetap Ketua Polis Daerah Timur Laut. Lawatan tersebut

bagi memastikan anggota bertugas dan keadaan orang tahanan cukup bilangan dan sihat. A6 mengiringi Insp. Mohamad Khairul (A9) semasa melawat sel-sel lokap. Ketika itu terdapat 98 orang tahanan di dalam Lokap HQ. Sel No. 5 kekal dengan lima orang tahanan. Insp. Mohamad Khairul (A9) telah mencatatkan lawatan beliau di dalam Buku Lawatan Lokap. Sebelum itu, pada jam 7.00 malam, SM Charanjit Singh (A5) telah datang ke Lokap HQ dan meminta kebenaran A6 untuk berjumpa JR bagi mendapatkan butir-butir peribadi. A6 berdiri di kawasan hadapan sel No. 1 dan 2, dan melihat A5 pergi ke hadapan sel No. 5 dan memanggil nama JR. A5 tidak masuk ke dalam sel No. 5. A5 berada di hadapan sel No. 5 lebih kurang 5 minit dan selepas itu A5 dan A6 keluar dari kawasan sel lokap. Oleh kerana kehadiran A5 adalah bagi masa yang singkat dan hanya bagi tujuan mendapatkan butiran peribadi, maka A6 tidak mencatatkan lawatan A5 dalam *Station Diary*. Menurut A6 lagi orang tahanan tidak dibenarkan dibawa keluar dari lokap selepas jam 6.00 petang. A6 tamat bertugas jam 11.00 malam dan membuat catatan jumlah orang tahanan 98 orang dalam Diari Lokap dan memberi taklimat penyerahan tugas kepada Kpl. Lee (A10) yang mengambil alih giliran tugas Ketua Lokap HQ. Tiada apa-apa kejadian luar biasa sepanjang tempoh A6 bertugas dari jam 4.00 petang hingga 11.00 malam pada 25.5.2013.

5.8 **Konst. Mohamad Khairol Azhar bin Ishak (A7)** telah berkhidmat dengan PDRM sejak 1.8.2009. Pada 25.5.2013, A7 masuk bertugas di Lokap HQ dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam. A7 melapor diri pada jam 3.45 petang. Terdapat arahan bahawa anggota bertugas perlu lapor diri 15 minit awal sebelum masa bertugas. Terdapat 98 orang tahanan di Lokap HQ semasa A7 mengambil alih tugas. Anggota Ketua Lokap ialah Kpl. Rohizan (A6). Turut bertugas bersama A7 dan A6 ialah Konst. Rijalullah (A8). A7 mengatakan pada lebih kurang jam 4.10 petang, A7, A6 dan A8 telah menerima serahan lima orang tangkapan termasuk JR bagi ditahan di lokap. A7 membuat pemeriksaan badan ke atas JR dan mendapati JR tidak mengalami sebarang kecederaan. A7 juga mengatakan JR tidak menunjukkan apa-apa tanda sakit ketika diperiksa. Selepas selesai urusan pemeriksaan dan dokumentasi, A7 membawa JR masuk ke kawasan lokap dan menempatkan JR di sel No. 5. Terdapat 9 orang tahanan di sel No. 5 termasuk JR. Kesemua mereka adalah juga ditahan berkaitan kes ketagihan dadah. Setiap sel terdapat kemudahan tandas dan tempat mandi. Bantal dan selimut tidak dibekalkan kepada orang tahanan atas faktor keselamatan dari disalahgunakan. Pada jam 7.00 malam semua orang tahanan diberi makanan. A7 tidak pasti jika JR makan atau tidak makanan yang dibekalkan. Pada jam 8.10 malam, A7 membuat rondaan di sel-sel lokap. Tiada apa-apa masalah diadukan. Pada jam 9.30 malam Kpl.

Rohizan (A6) membuat rondaan ke sel-sel. Tiada apa-apa masalah diadukan. Pada jam 9.50 malam, Insp. Mohamad Khairul bin Ali (A9) iaitu Ketua Polis Balai (KPB) datang membuat lawatan lokap. Tiada apa-apa masalah dilaporkan. Pada jam 11.45 malam, ASP Donny anak John Jubang (A11) datang melawat Lokap HQ. Tiada apa-apa masalah dilaporkan. A7 mengatakan sepanjang tempoh A7 bertugas dari jam 4.00 petang hingga jam 12.00 tengah malam, berdasarkan rondaan dan CCTV, tidak terdapat sebarang insiden atau kejadian luar biasa atau orang tahanan yang mengadu sakit. Pada jam 12.00 tengah malam, A7 dan anggota bertugas menyerahkan tugas kepada anggota giliran baru yang diketuai oleh Kpl. Lee Heng Kok (A10).

- 5.9 **Konst. Mohamad Rijalullah bin Rayah** (A8) berkhidmat dalam PDRM sejak 1.5.2010. Pada 25.5.2013, A8 bertugas di Lokap HQ dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam bersama dengan A7 dan A6. A6 adalah Ketua Lokap. Pada jam 4.20 petang A6, A7 dan A8 telah menerima lima orang tangkapan bagi ditahan di Lokap HQ termasuk JR. Pemeriksaan badan ke atas JR dibuat sebelum JR dimasukkan ke Lokap HQ. A8 mengatakan tiada kecederaan fizikal pada tubuh badan JR dan JR tidak mengadu sakit semasa diperiksa. Bagaimanapun A8 tidak mencatatkan hasil pemeriksaan dalam mana-mana buku. JR diberikan pakaian lokap iaitu baju

berwarna ungu dan seluar pendek bagi menggantikan pakaian sedia ada JR. Tiada apa-apa barang lain diambil dari JR. JR ditempatkan di sel No. 5. Terdapat 9 orang tahanan dalam sel No. 5 pada malam tersebut. A8 tidak melihat atau mendengar sebarang pergaduhan atau jeritan atau pengaduan sakit oleh mana-mana tahanan pada malam tersebut. A8 membuat lima kali rondaan di kawasan sel sepanjang masa A8 bertugas. A8 mengatakan pergerakan tahanan boleh dilihat melalui monitor CCTV. A8 mengatakan pada malam tersebut, beliau melihat JR hanya duduk berseorangan di tepi bahagian hadapan dalam sel No. 5. A8 mengatakan walaupun Perintah Tetap mengatakan rondaan perlu dibuat setiap 15 minit tetapi ia tidak diikuti dan rodaan dibuat sebanyak lima kali sepanjang giliran bertugas kerana telah ada CCTV untuk memantau keadaan dalam lokap. A8 mengatakan tahanan JR adalah hanya bagi tempoh 24 jam sahaja sehingga menunggu proses permohonan reman di mahkamah. JR tidak ada dibawa keluar dari sel No. 5 sepanjang tempoh masa A8 bertugas.

- 5.10 **Insp. Mohammad Khairul bin Ali** (A9) telah menyertai PDRM pada 1.5.1998. Mulai 13.8.2009, A9 bertugas sebagai Ketua Polis Balai Central dan bertanggungjawab menjaga tiga lokap, iaitu Lokap Juvana di Balai Polis Central, Lokap HQ di IPK dan Lokap Cawangan Khas. Lokap HQ diwartakan pada 19.3.1979 (PU(B) 579/79). Lokap HQ hanya bagi

tahanan penagih dadah. Antara tugas A9 adalah untuk membuat lawatan dua kali sehari di setiap lokap seperti yang dikehendaki di bawah perkara 6.3 Perintah Tetap KPD Timur Laut – Pengurusan Lokap. Tujuan lawatan adalah untuk memeriksa anggota kawalan, kebersihan, makanan orang tahanan, keadaan orang tahanan, keluar masuk orang tahanan, kebajikan orang tahanan, memeriksa dokumen reman, barang-barang milik orang tahanan, keadaan lampu dan CCTV. Setiap lawatan perlu dicatatkan dalam Buku Lawatan Lokap dan Buku Perharian Balai (*Station Diary*). Menurut A9, perkara 6.3 Perintah Tetap tidak diamalkan sepenuhnya oleh beliau kerana kebiasaananya lawatan hanya dibuat sekali sehari disebabkan beliau menjaga tiga lokap. Menurut A9 semua 14 sel di Lokap HQ diawasi oleh CCTV yang berfungsi 24 jam bagi memantau aktiviti dalam sel-sel. Terdapat juga CCTV di bahagian pintu masuk utama lokap yang merakam aktiviti di hadapan pintu utama dan satu lagi unit CCTV ditempatkan di bahagian atas ruang belakang ruang pejabat lokap yang bertentangan dengan lorong kaki lima sel-sel lokap. Menurut A9, anggota lokap hanya memeriksa secara mata kasar tubuh badan orang tahanan untuk melihat jika ada sebarang kecederaan sebelum ditempatkan di sel lokap. A9 mengatakan bukan menjadi tanggungjawab anggota untuk memeriksa orang tahanan sakit atau tidak. Menurut A9 lagi tugas menanyakan kesihatan orang tahanan adalah terletak di atas anggota pengiring (*escort*).

Terdapat tiga giliran tugas (*shift*) dalam sehari di mana setiap *shift* dianggotai oleh seorang koperal dan dua konstabel (tiga orang setiap *shift*). Masa bertugas bagi koperal ialah dari jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang; 3.00 petang hingga 11.00 malam; dan 11.00 malam hingga 7.00 pagi. Koperal adalah ketua lokap. Masa bertugas bagi dua konstabel pada setiap *shift* ialah dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang; 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam; dan 12.00 tengah malam hingga 8.00 pagi. Aturan waktu kerja ini dibuat bagi menentukan pada semua waktu kerja telah ada Ketua Lokap untuk menyelia pertukaran giliran anggota bertugas. Ketua lokap bertanggungjawab memastikan bekalan makanan dibekalkan dan diedarkan ke sel-sel dengan meletakkan makanan di hadapan pintu yang boleh diambil oleh orang tahanan. Tahanan akan dimaklumkan setiap kali makanan diedarkan. Selepas sejam makanan diedarkan, anggota akan membuat kutipan sampah bekas makanan. Bagaimanapun sama ada tahanan ingin makan atau tidak adalah di atas tahanan sendiri. Pada 25.5.2013, A9 membuat lawatan ke Lokap HQ pada jam 9.50 malam. A9 mengatakan pada masa lawatan beliau, anggota bertugas ialah Kpl. Rohizan (A6) selaku ketua lokap, dan Konst. Mohamad Khairul (A7) serta Konst. Rijalullah (A8) sebagai anggota pengawal lokap. Kpl. Rohizan (A6) telah memberi taklimat kepada A9. A9 telah membuat rodaan di kaki lima sel-sel dan mendapati keadaan adalah selamat dan tidak ada perkara yang mencurigakan. A9

berada di Lokap HQ lebih kurang 15 minit dan selepas itu meninggalkan lokap. Pada 26.5.2013, jam lebih kurang 11.10 pagi, A9 telah diberitahu tentang kematian JR dan A9 terus menghubungi Pemangku KPD Timur Laut (Supt. Ismail – Timbalan KPD) bagi memaklumkan perkara tersebut dan membuat catatan ke atasnya. Sebelumnya anggota lokap telah memberitahu A9 bahawa ambulan telah dipanggil. Sebaik dimaklumkan tentang pengesahan kematian JR yang diperiksa oleh Penolong Pegawai Perubatan (A24), A9 telah juga menghubungi Koroner iaitu Majistret Georgetown dan menunggu Koroner hadir ke situ. A9 tiba di Lokap HQ pada jam 12.05 tengah hari. Sebelumnya Pemangku KPD Timur Laut telah sampai pada jam 12.00 tengah hari. Setelah Koroner (Majistret Puan Dianne Nigrad binti Nor Azhar) sampai pada jam lebih kurang 1.45 petang, A9 dan Pemangku KPD Timur Laut membawa Koroner ke sel No. 5 bagi melihat mayat JR. Turut hadir Pegawai Penyiasat kes kematian JR iaitu Insp. Firdaus dan ASP Khalid. Setelah pemeriksaan Koroner ke atas mayat selesai dan Koroner menandatangani laporan, ASP Khalid telah mengambil alih sebagai Pegawai Penyiasat kes mati mengejut (SDR) dan membuat urusan menghantar mayat JR ke Hospital Pulau Pinang pada jam 2.05 petang dengan menggunakan Land Rover PDRM No. WLP 6760 bersama dua anggota pengiring. A9 beredar dari Lokap HQ setelah mayat JR dibawa ke hospital.

5.11 **Kpl. Lee Heng Kok** (A10) menyertai PDRM pada 28.3.1982. Pada 25.5.2013, A10 mengambil alih tugas Ketua Lokap HQ dari Kpl. Rohizan bin Yahya (A6) mulai jam 11.00 malam. A10 bertugas sebagai Ketua Lokap hingga jam 7.00 pagi 26.5.2013. A10 bertugas bersama dua lagi anggota, iaitu Konst. Hazlan (A13) dan Konst. Azam (A12). Ketika terima serahan tugas dari A6, terdapat 98 orang tahanan dalam Lokap HQ. A10 membuat kiraan jumlah tahanan dan mendapati ada 98 orang tahanan. A10 juga menerima serahan kunci sel lokap dan kunci pintu utama dari A6. A10 mengatakan dua anggota pengawal sebelumnya iaitu Konst. Khairul (A9) dan Konst. Rijalullah (A8) ada bertugas sehingga jam 12.00 tengah malam. Pada jam 11.40 malam Konst. Azam (A12) dan Konst. Hazlan (A13) tiba di lokap bagi giliran tugas. Menurut A10 pada malam tersebut lebih kurang jam 11.45 malam ASP Donny anak John Jubang (A11) telah datang melawat Lokap HQ dan A10 mencatatkan lawatan tersebut dalam *Station Diary*. ASP Donny (A11) juga ada membuat catatan lawatan dalam *Station Diary*. Pada jam 12.05 tengah malam 26.5.2013 Insp. Raveendran (A14) telah datang membuat lawatan ke Lokap HQ dan A10 mencatatkan lawatan tersebut dalam *Station Diary*. Pada jam 12.35 tengah malam, terdapat empat orang tangkapan baru diserahkan kepada Lokap HQ dan diperiksa oleh Konst. Hazlan (A13) dan Konst. Azam (A12) sebelum ditempatkan ke dalam sel lokap yang bukan sel No. 5. Menurut A10 lagi sepanjang masa

bertugas, A10 membuat beberapa kali rondaan di kaki lima sel-sel dan mendapati orang-orang tahanan sedang tidur. A10 tidak mendapati sebarang kejadian luar biasa berlaku pada malam tersebut atau apa-apa aduan lain. Pada jam 7.00 pagi A10 tamat tugas dan menyerahkan tugas kepada Kpl. Selvanathan (A15).

- 5.12 **ASP Donny anak John Jubang (A11)** mengatakan pada 25.5.2013 jam lebih kurang 11.45 malam, A11 telah membuat lawatan ke Lokap HQ. A11 berjalan di hadapan sel No. 1 hingga No. 14 diiringi oleh dua anggota Lokap HQ. Lawatan berlangsung dalam tiga hingga lima minit. A11 tidak bercakap dengan mana-mana tahanan. A11 dapati kebanyakan orang tahanan sedang tidur dan tidak terdapat sebarang aduan berkaitan tahanan yang sakit. A11 telah membuat catatan lawatannya dalam Buku Lawatan Lokap.
- 5.13 **Konst. Noor Azam bin Zainuddin (A12)** telah memasuki PDRM sejak 8.7.2012. Pada 26.5.2013, A12 bertugas sebagai anggota Lokap HQ dari jam 12.00 tengah malam hingga jam 8.00 pagi 26.5.2013. Pada 25.5.2013, A12 telah melapor diri pada jam 11.45 malam. Ketua Lokap bagi masa tugas A12 ialah Kpl. Lee Heng Kok (A10). Turut sama bertugas bersama A12 ialah Konst. Hazlan (A13). A12 dan A13 menggantikan anggota giliran (*shift*) awal iaitu Konst. Mohd Khairul (A7) dan Kons. Mohd Rijalullah (A8). A12 telah membuat beberapa kali rondaan ke sel-sel lokap

pada malam tersebut dan rondaan terakhir dilakukan pada jam 6.30 pagi 26.5.2013. Tiada sebarang masalah atau aduan orang tahanan sakit dilaporkan. Pada jam 7.30 pagi orang-orang tahanan diberi minum pagi. A12 tamat tugas pada jam 8.00 pagi.

- 5.14 **Konst. Mohd Hazlan bin Dius** (A13) telah masuk PDRM pada 18.1.2011. Pada 26.5.2013, A13 bertugas di Lokap HQ dari jam 12.00 tengah malam hingga jam 8.00 pagi 26.5.2013. A13 bertugas bersama A10 dan A12. A10 adalah Ketua Lokap. Terdapat lawatan pada malam tersebut oleh pegawai iaitu Insp. Raveendran. Tiada terdapat sebarang masalah atau orang tahanan sakit dilaporkan. A13 juga membuat beberapa rondaan ke sel-sel serta membuat pemantauan sel-sel melalui CCTV. Pada malam itu pada jam 12.35 tengah malam, 4.55 pagi dan 6.15 pagi Lokap HQ ada menerima beberapa tangkapan lain untuk ditahan di lokap. Tiada tahanan baru ditempatkan di sel No. 5 yang telah ada 9 tahanan. Pada jam 7.30 pagi A13 memberi makanan pagi kepada orang-orang tahanan di sel-sel tersebut. A13 tidak pasti sama ada JR makan makanan yang dibekalkan. Pada jam 8.00 pagi A13 tamat bertugas. A13 mengatakan sepanjang tempoh beliau bertugas dari jam 12.00 tengah malam 26.5.2013 hingga jam 8.00 pagi 26.5.2013 tidak terdapat sebarang percaduhan di lokap atau orang tahanan yang mengadu sakit.

5.15 Insp. S Raveendran a/l Selvaraju (A14) telah menyertai PDRM pada 21.2.1981. Pada 26.5.2013 di antara tugas A14 sebagai pegawai bertugas di Cawangan D7, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Pulau Pinang ialah membuat lawatan ke tiga lokap di dua Balai Polis, iaitu satu lokap Balai IPD Barat Daya dan dua lokap IPD Timur Laut (Lokap HQ dan IPD Timur Laut). Pada 12.05 tengah malam 26.5.2013, A14 ada membuat lawatan ke Lokap HQ. A14 membuat catatan lawatan beliau dalam Buku Lawatan Lokap. Tiada sebarang masalah dilaporkan atau orang tahanan mengadu sakit. Menurut A14 berdasarkan kepada pengalaman beliau, penagih dadah tegar tidak akan membuat aduan sakit kerana telah terbiasa dengan keadaan memendam kesakitan dan oleh itu adalah sukar untuk memastikan sama ada orang tahanan sedang sakit lebih-lebih lagi anggota lokap adalah terdiri dari anggota tugas am. Maka yang demikian, beliau mencadangkan orang-orang tahanan penagih dadah tegar ditempatkan di wad-wad khas atau tempat tahanan yang khas yang terdapat kemudahan rawatan kerana masalah mereka berbeza dengan orang tahanan bagi kes-kes yang bukan ketagihan dadah. A14 juga mencadangkan kemudahan minuman air mineral diberikan kepada orang tahanan kerana ada kalanya orang tahanan tidak mengambil minuman manis.

5.16 **Kpl. Selvanathan a/l Copusamay** (A15) telah menyertai PDRM pada 1.4.2004. Pada 26.5.2013, A15 bertugas di Lokap HQ dari jam 7.00 pagi hingga jam 3.00 petang sebagai Ketua Lokap. A15 mengambil alih tugas dari A10. Ketika mengambil alih tugas, terdapat 109 orang tahanan di Lokap HQ yang terdiri daripada 44 Melayu, 40 Cina, 24 India dan 1 Myanmar. A15 telah memeriksa setiap sel bagi menyemak ketepatan bilangan orang tahanan seperti yang direkodkan dan mendapati bilangan orang tahanan genap 109 orang. Pada jam 7.30 pagi, A15 membuat rondaan ke sel-sel dan ketika itu makanan pagi juga diedarkan kepada orang tahanan. Menu pada pagi itu ialah nasi lemak sambal ikan bilis dan minuman kopi O. Tugas utama A15 pada pagi itu juga adalah untuk membuat semakan ke atas senarai orang-orang yang perlu perintah reman bagi memastikan tiada tahanan yang di luar dari masa perintah reman. Anggota bertugas bersama A15 ialah Konst. Nik Azmi (A16) dan Konst. Alias (A17). Pada jam 9.00 pagi rondaan ke sel-sel lokap dibuat oleh A16 dan didapati keadaan baik. Pada jam 10.00 pagi rondaan ke sel-sel dibuat oleh A17 dan dilaporkan keadaan baik. A15 membuat catatan rondaan-rondaan tersebut dalam Buku Perharian Balai. Pada jam 10.40 pagi dua orang anggota pengiring daripada IPD Timur Laut datang ke Lokap HQ bagi tujuan membawa tahanan untuk mendapat perintah reman. Oleh kerana 26.5.2013 adalah hari Ahad iaitu hari cuti hujung minggu, orang-

orang tahanan akan dibawa bagi reman di hadapan Majistret pada jam 11.00 pagi. Pada hari-hari bekerja biasa, kebiasaananya perintah reman diperolehi pada jam 2.00 petang. Anggota pengiring tersebut telah menyerahkan senarai reman kepada A15. A15 telah mengarahkan A17 bagi mengambil orang tahanan keluar dari sel. Apabila A17 pergi ke sel No. 5 bagi mengambil keluar JR, A17 mendapati JR telah tidak sedarkan diri. A17 cuba mengerakkan JR sebanyak tiga atau empat kali tetapi gagal. A17 terus memaklumkan kepada A15 dan A15 datang cuba mengerakkan JR lima atau enam kali untuk bangun tetapi JR tidak memberi sebarang respon. Ketika itu, A15 merasakan badan JR masih panas dan belum keras. Bagaimanapun A15 tidak memeriksa nadi JR. A17 mengawal sel dan mengarahkan tahanan lain tidak menghampiri JR. A15 pergi ke mejanya dan membuat panggilan telefon kepada Kpl. Zainuddin pada jam 10.50 pagi bagi memaklumkan keadaan dan meminta supaya ambulan dihantar kerana JR telah tidak sedarkan diri. Pada jam 11.15 pagi sebuah ambulan No. WGD 5084 dari Hospital Pulau Pinang sampai ke Lokap HQ bersama Penolong Pegawai Perubatan, Encik Rueben Isaac a/l Muthuswami (A24) bersama dua orang lagi pembantu dan mereka terus pergi ke sel No. 5. Lebih kurang 5 minit kemudian, A24 memaklumkan JR telah meninggal dunia. A15 serta merta membuat panggilan telefon kepada Kpl. Zainuddin (A20) bagi memaklumkan perkara tersebut

dan meminta supaya perkara tersebut juga dimaklumkan kepada KPB Central iaitu Insp. Mohd Khairul bin Mohd Ali (A9). A15 juga memaklumkan tentang kematian JR kepada AIO kes narkotik SM Charanjit Singh (A5). Pada jam 11.40 pagi SM Charanjit Singh (A5) datang ke Lokap HQ dan melihat mayat JR. Pada jam 2.05 petang mayat JR dibawa ke Hospital Pulau Pinang dengan menggunakan Land Rover pasukan oleh dua orang anggota iaitu Kpl. Md Nor dan L/Kpl. Suman. A15 mengatakan mayat JR tidak dibawa dengan ambulan disebabkan perkara kematian JR telah menjadi kes polis. Lebih kurang jam 12.00 tengah hari, Timbalan KPD Timur Laut iaitu Supt. Ismail sampai di Lokap HQ dan diberikan taklimat oleh Insp Khairul (A9) mengenai kematian JR. Pada jam 12.45 tengah hari Pegawai Penyiasat kes dari IPD Timur Laut iaitu Insp. Firdaus datang ke Lokap HQ bersama jurufoto bagi memulakan siasatan kes.

- 5.17 **Konst. Nik Mohd Amin bin Mat Hussin (A16)** telah memasuki PDRM pada 16.7.2009. Pada 26.5.2013, A16 bertugas sebagai anggota pengawal lokap dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Ketua lokap bertugas ialah Kpl. Selva. Seorang lagi anggota yang bertugas bersama A16 ialah Konst. Alias. Ketika A16 masuk bertugas, pengedaran makanan pagi telah pun dilakukan oleh anggota bertugas awal di bawah seliaan Kpl. Selva. Menurut A16, di sepanjang masa

mula bertugas pada pagi itu, tidak terdapat mana-mana pegawai masuk ke lokap. A16 juga ada membuat rondaan lokap dan membuat catatan di *Station Diary* dan ketika lawatan tersebut tidak mendapati apa-apa keadaan yang luar biasa. Pada jam 10.40 pagi, A16 ditugaskan untuk mengambil JR dari sel No. 5 bagi tujuan reman ke mahkamah. A16 memanggil nama JR tetapi JR tidak respon dan juga tidak bergerak. A16 mengatakan tahanan lain dalam sel No. 5 mengatakan kepada A16 perkataan berikut “Cikgu-Cikgu...OKT tidak sedarkan diri” dengan menunjukkan ke aras JR. A16 melihat JR berbaring dilantai seperti orang tidur. Setelah A16 membawa keluar semua orang tahanan lain dari sel No. 5 dan lokap bagi tujuan reman, A16 memberitahu Kpl. Selva iaitu Ketua Lokap tentang keadaan JR yang A16 syaki telah meninggal dunia. Kpl. Selva segera menghubungi Ketua Pejabat Pertanyaan Balai bagi memaklumkan kepada hospital. A16 mengatakan beliau tidak memeriksa JR kerana takut berlaku perkara-perkara lain yang tidak diingini. Ketika itu jam 10.50 pagi. Pada jam 11.15 pagi Penolong Pegawai Perubatan Encik Rueben Isaac Muthuswami (A24) tiba diiringi oleh Konst. Alias (A15) masuk ke sel No. 5 dan Penolong Pegawai Perubatan membuat pemeriksaan ke atas JR dan mengesahkan JR telah meninggal dunia. Setelah semua urusan memeriksa mayat JR di sel No. 5 selesai dibuat termasuk oleh Majistret, Puan Dianne Nigrad binti Nor Azhar dan gambar-gambar

mamat JR diambil oleh Pegawai Penyiasat kes, pada jam 2.05 petang, A16 bersama Konst. Alias (A15) dan beberapa orang lagi anggota telah mengangkat mayat JR bagi dibungkus dengan plastik dan seterusnya dinaikkan ke dalam Land Rover PDRM untuk dibawa ke Hospital Pulau Pinang. A16 tamat bertugas jam 4.00 petang.

- 5.18 **Konst. Alias bin Mohamad** (A17) menyertai PDRM pada 9.6.2012. Pada 26.5.2013, A17 melapor diri jam 7.45 pagi bagi bertugas sebagai anggota Lokap HQ. A17 bertugas bersama A16 dan Ketua Lokap A15. Pada pagi itu setelah makanan diagihkan kepada orang tahanan, anggota pengiring telah datang ke Lokap HQ dengan membawa senarai reman bagi proses reman di mahkamah. A16 telah pergi ke sel-sel bagi memanggil nama-nama orang tahanan dan dibawa keluar sel dan A17 mengawal di pintu lokap sel. A17 kemudiannya melihat A16 pergi kepada A15 bagi memberitahu tentang keadaan JR yang berada di sel No. 5 dan A15 dilihat membuat panggilan telefon. Tidak berapa lama selepas itu ambulan sampai dan Penolong Pegawai Perubatan bersama pembantunya memasuki sel No. 5 bagi membuat pemeriksaan ke atas JR dan mengesahkan JR telah meninggal dunia. A17 mengatakan beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang prosedur dalaman atau peraturan mengenai kematian dalam lokap dan keadaan yang berlaku menyebabkan A17 tidak tahu

untuk berbuat apa dan gementar. Menurut A17 sepanjang masa beliau bertugas dari jam 8.00 pagi dan hingga jam 11.00 pagi tiada orang lain memasuki Lokap HQ kecuali anggota bertugas lokap. A17 juga mengatakan walaupun perkara 8.7.5 Perintah Tetap Ketua Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang menghendaki rondaan kes sel-sel lokap dibuat setiap 15 minit tetapi arahan tersebut tidak dapat dipatuhi kerana kekurangan anggota dan sel-sel tersebut boleh dipantau melalui CCTV. Oleh yang demikian, A17 mengamalkan rondaan antara 30 minit hingga 40 minit sekali. Oleh kerana di dalam sel-sel sedia terdapat bilik air / tandas maka orang tahanan tidak perlu dikawal semasa ke bilik air / tandas.

- 5.19 **Kpl. Shaari bin Lajim** (A18) telah menyertai PDRM selama 32 tahun. Pada 26.5.2013, A18 ditugaskan untuk menjadi anggota pengiring (*escort*) orang tahanan di Lokap HQ bagi di bawa ke mahkamah untuk perintah reman. Pada jam 10.00 pagi, A18 bersama Kpl. Sabberi bin Abdullah (A19) menaiki kenderaan “Black Maria” telah tiba di Lokap HQ bersama senarai reman. Hari itu adalah hari Ahad cuti mingguan dan masa reman ditetapkan oleh Majistret bertugas. Setiba di Lokap HQ, A18 bertemu dengan Kpl. Selva (A15) dan menyerahkan senarai reman. A18 juga menampal satu salinan senarai reman dalam Buku Pergerakan OKT dan menandatangani buku itu. A18 kemudiannya diberitahu oleh A15 bahawa

seorang daripada orang tahanan iaitu JR tidak boleh bangun dan oleh itu A12 akan menguruskan tahanan itu untuk dibawa ke hospital. A18 oleh itu memotong nama JR dari senarai reman dan meneruskan urusan membawa orang-orang reman yang lain ke mahkamah bersama Kpl. Sabberi bin Abdullah (A19). Setiba di mahkamah, A18 memaklumkan SM Charanjit Singh (A5) bahawa JR tidak dapat dibawa kerana sakit. Lebih kurang jam 11.30 pagi, A18 dimaklumkan oleh A5 bahawa JR telah meninggal dunia.

- 5.20 **Kpl. Sabberi bin Abdullah** (A19) telah berkhidmat dengan PDRM selama 32 tahun. Pada 26.5.2013 beliau bersama A18 telah pergi ke Lokap HQ bagi urusan membawa keluar orang tahanan untuk proses reman. Oleh kerana JR tidak dapat dibawa kerana dikatakan tidak boleh bangun, maka A19 dan A18 berlepas ke mahkamah dengan orang-orang tahanan lain dan menyerahkan orang-orang tahanan yang dibawa kepada Penolong Pegawai Penyiasat narkotik SM Charanjit Singh (A5). A19 kemudiannya diberitahu oleh A5 bahawa JR telah meninggal dunia. Itu sahaja penglibatan A19.
- 5.21 **Kpl. Zainuddin bin Ibrahim** (A20) telah menyertai PDRM pada 20.7.1986. Pada 26.5.2013 jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang A20 bertugas sebagai Ketua Pejabat Pertanyaan. Sebelumnya pada 25.5.2013 jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang, A20 bertugas sebagai

Ketua Lokap HQ. A20 telah habis bertugas semasa JR dibawa ke Lokap HQ. Tugasan A20 sebagai Ketua Lokap diambil alih oleh Kpl. Rohizan (A6). Pada lebih kurang jam 11.00 pagi 26.5.2013, sedang A20 bertugas di Pejabat Pertanyaan, A20 telah menerima panggilan telefon daripada Kpl. Mastura dari kaunter mesra di sebelah Lokap HQ memaklumkan bahawa orang tahanan bernama JR telah meninggal dunia di Lokap HQ. A20 dengan serta merta menghubungi Hospital Pulau Pinang untuk ambulan dihantar ke Lokap HQ. Pada jam 11.28 pagi, A20 telah membuat laporan polis bagi perkara tersebut seperti di Balai Polis Central Rpt. 002622/13.

- 5.22 **Dato' Dr. Bhupinder Singh a/l Jeswant Singh (A21)** adalah Pakar Perunding Patalogi Forensik, Hospital Pulau Pinang. A21 telah berkhidmat lebih daripada 21 tahun sebagai doktor perubatan dalam bidang forensik di Hospital Pulau Pinang. A21 mempunyai pengalaman menjalankan ratusan bedah siasat dan pemeriksaan forensik ke atas mayat dan telah memberi keterangan sebagai saksi pakar dalam ratusan kes-kes perbicaraan jenayah dan sivil di semua peringkat mahkamah bicara di Malaysia. Pada 27.5.2013 jam 9.25 pagi, A21 telah menjalankan bedah siasat (*post mortem*) ke atas mayat JR. A21 dibantu oleh Pegawai Perubatan Hospital Pulau Pinang bernama Dr. Goon Hoong Tat. Pemeriksaan luaran ke atas tubuh mayat JR, A21 mendapati tidak

terdapat sebarang kecederaan luar yang dialami oleh JR kecuali satu kesan calar di bahagian belakang *sacral region* berukuran 2.5 x 1 cm. Terdapat kesan-kesan parut lama di kedua kaki dan pergelangan JR yang tidak mungkin berlaku dalam tempoh 24 jam. Ia adalah calar lama. Kulit dan mata si mati menunjukkan jaundis (kuning). Hasil pemeriksaan dalaman di bahagian kepala melihatkan tiada sebarang kecederaan di kulit kepala. Selepas tengkorak dibuka, didapati *subarachnoid haemorrhage* berukuran 3 x 2 cm *right temporal parietal region* yang mungkin disebabkan si mati pengsan jatuh. Sebagai pengidap “*cirrhosis of liver*” pesakit boleh berada dalam keadaan “*fit*” dan apabila jatuh ia boleh mendatangkan kecederaan di kepala dan bahagian *sacral region*. A21 menolak sebarang kemungkinan JR si mati dipukul kerana tempat luka yang didapati itu biasanya terjadi apabila seseorang jatuh dan juga tiada luka di luaran. Ia juga adalah di tempat yang terhad dan “*not spreading in all area*”. Oleh itu ianya tidak mungkin akibat daripada dipukul. Tidak juga terdapat apa-apa tanda lebam di bahagian kepala si mati. Tidak ada apa-apa pendarahan di kepala. Ujian *urine rapid test* oleh A21 mendapati si mati positif MDMA iaitu 3,4 – *Methylenedioxy-N-Methylamphetamine*. Ujian ini dibuat kerana disyaki si mati terlibat dengan dadah dan bagi ujian bagi melihat kandungan dadah. Pemeriksaan ke atas bahagian dada si mati mendapati tidak terdapat sebarang kecederaan di kulit

dada atau bahagian dalaman. A21 telah membuka paru-paru si mati dan mendapat terdapat banyak *bullous lesion* di bahagian kedua-dua paru-paru. Tiada apa-apa retakan dilihat ke atas mana-mana tulang si mati. Pemeriksaan dalaman perut mendapat hati si mati menunjukkan *micronodular cirrhosis*. Perut si mati kosong dan tidak mempunyai apa-apa makanan. Tiada apa-apa luka atau pendarahan di perut. Kesimpulan bedah siasatan mendapat si mati mengalami "*cirrhosis of the liver*". A21 menambah "*Cirrhosis is a slowly progressing disease in which healthy liver tissue is replaced with scar tissue, eventually preventing the liver from functioning properly. The scar tissue blocks the flow of the blood through the liver and slows the processing of nutrients, hormones, drugs and naturally produced toxins. It also slows the productions of proteins and other substances by liver*". Dengan bahasa mudah, "*cirrhosis of the liver*" bermaksud penyakit hati. A21 berpendapat penyakit ini berpunca daripada pengambilan alkohol dan dadah yang berlebihan. A21 seterusnya berpendapat dalam kes kematian JR, si mati adalah seorang penagih arak dan dadah yang tegar dan penyakit hati si mati adalah kronik. Tanda-tanda "*cirrhosis of the liver*" adalah seperti hilang selera makan, kurang tenaga, kehilangan berat badan secara mendadak, kulit kekuningan, gatal-gatal kulit, *fluid retention or edema*, bengkak di pergelangan kaki dan abdomen, kencing yang kotor, najis berdarah dan

demam-demam. A21 mengatakan tanda-tanda yang dinyatakan di atas adalah “*internal findings*” yang sukar dikesan secara luaran oleh orang lain kecuali dengan makluman si mati tentangnya. Kesan yang dibawa oleh penyakit hati adalah ia boleh membawa kematian mengejut sama ada ketika pengidapnya sedang aktif mahupun ketika pengidapnya sedang tidur. Pengidap penyakit ini tidak memerlukan apa-apa tekanan fizikal untuk menyebabkan kematian. Tiada rekod menunjukkan si mati ada mendapatkan rawatan bagi penyakit hati tersebut. Ujian darah si mati juga menunjukkan si mati positif Hepatitis C iaitu sejenis penyakit yang menyerang hati. Ia berpunca daripada “*Hepatitis C Virus*” atau “HCV” yang merebak melalui darah, melalui perkongsian jarum suntikan yang biasanya diamalkan oleh penagih dadah. Setelah menerima hasil ujian *histopathology* ke atas spesimen ‘*brain, heart with coronary vessels, lungs, liver, spleen kidneys, stomach wall*’ si mati, A21 membuat kesimpulan bahawa sebab kematian JR adalah disebabkan “*Alcoholic Liver Disease with Myocardial Fibrosis*”.

- 5.23 **Dr. Parvindarjit Kaur (A22)** telah berkhidmat selama lima tahun sebagai Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Jalan Macalister, Pulau Pinang. A22 mengatakan pertama kali memberi rawatan kepada JR pada 3.5.2011 apabila JR datang ke Klinik Kesihatan Jalan Macalister bagi terapi gantian methadone. Ujian

melihatkan JR positif opoid/heroin dan layak menyertai program rawatan. Rawatan dimulakan dengan memberi JR 15 mg sehari *syrup methadone*. Selepas itu, JR datang untuk mengambil *syrup methadone* mengikut preskripsi ubat bagi rawatann program methadone tersebut. JR dinasihatkan supaya tidak mengambil dadah lain, alkohol, benzodia, zipines seperti valium, serepax, rohypol bersama methadone kerana ia boleh membahayakan diri. Kesan jika bahan di atas diambil bersama methadone akan menyebabkan “*drug intoxicity*” iaitu khayal kerana “*overdose*” dan akan menyebabkan gangguan kepada jantung, *nerve system* dan mental. Kali terakhir JR datang bagi rawatan methadone pada 24.5.2013. Daripada bulan Januari 2013 hingga April 2013, JR datang hampir setiap hari untuk rawatan. Pada 6.5.2013 dan 14.5.2013 iaitu tarikh rawatan JR telah tidak datang untuk mendapatkan *syrup methadone*. Kali terakhir JR datang ialah pada 24.5.2013 dan diberikan 45mg *syrup methadone*.

- 5.24 **Puan Paruwadey a/p Arumokam** (A23) adalah merupakan ibu JR. A23 berumur 60 tahun. Menurut A23, JR dilahirkan pada 28.12.1973. Suami A23 meninggal dunia pada tahun 2009. A23 mengatakan JR tidak menduduki peperiksaan SRP kerana tidak tahu membaca. Selepas tamat sekolah peringkat SRP, JR tinggal bersama datuknya di Datuk Keramat selama dua tahun. Selepas itu A23 mengambil JR

semula. JR pernah berkerja sebagai kelindan lori untuk angkat barang orang berpindah. Pada ketika JR berumur 29 tahun, JR telah ditangkap oleh polis untuk kali pertama kerana menghisap dadah. A23 telah menjamin keluar JR. Bagaimanapun tidak berapa lama selepas itu, JR ditangkap kali kedua. A23 tidak lagi mahu menjamin JR. JR dihantar ke Pusat Serenti, Bukit Mertajam selama satu tahun. Selepas setahun JR pulang ke rumah A23 dan bekerja sebagai penarik kereta. Bagaimanapun, JR ditangkap buat kali ketiga kerana disyaki menjual dadah dan dipenjarakan selama dua tahun. Selepas dibebaskan JR mendapat rawatan kerana kemurungan dan pernah ditahan di hospital untuk rawatan *depression*. Menurut A23 lagi, JR mengambil arak kerana *stress*. Sebulan sebelum kematian JR, dia telah mengalami serangan “tarik-tarik” selama dua hingga tiga minit dan tangan kanan dikatakan kebas. A23 pernah menghubungi ambulan untuk membawa JR ke Hospital Pulau Pinang kerana batuk, muntah dan sesak nafas. Menurut A23, pada hari kejadian, JR berjanji untuk pergi ke hospital bagi rawatan tetapi telah tidak pulang ke rumah. Pada jam lebih kurang 12.00 tengah hari, rakan JR memberitahu A23 bahawa JR telah ditangkap. Pada jam 3.00 petang 26.5.2013, SM Charanjit Singh telah datang berjumpa A23 dan memberitahu A23 bahawa JR telah meninggal dunia dan meminta A23 datang ke hospital untuk pengecaman mayat. A23 mengakui JR terlibat

minum alkohol tetapi tidak tahu jika JR masih mengambil dadah.

- 5.25 **Encik Rueben Isaac Muthuswami** (A24) berjawatan Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan Hospital Pulau Pinang dari 22.10.2012 hingga 30.6.2013. A24 sekarang bertugas di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak. Pada 26.5.2013 jam lebih kurang 11.18 pagi, A24 bersama ambulan hospital dan kakitangannya telah tiba di Lokap HQ bagi membuat pemeriksaan ke atas JR yang dikatakan sebagai tidak sedarkan diri. A21 telah memeriksa mata, nadi, tangan, leher dan celah kelangkang JR dan mendapati tiada sebarang denyutan. Dengan menggunakan stetoskop, A24 memeriksa jantung JR, didapati tiada sebarang denyutan. Ketika itu keadaan JR berbaring di atas simen dalam sel No. 5 dengan memakai seluar tanpa baju kerana baju digunakan untuk mengalas kepala. A24 memeriksa bahagian belakang badan JR, bahagian hadapan badan JR dan seluruh tubuh JR dan didapati tiada sebarang pendarahan, atau kecederaan, atau bengkak, atau apa-apa tanda kena pukul pada badan. A24 mengesahkan JR telah meninggal dunia. A24 menganggarkan JR meninggal dunia lebih kurang satu jam yang lalu berdasarkan suhu badan JR ketika itu. A24 keluar dari Sel No. 5 lebih kurang jam 11.23 pagi dan membuat catatan pemeriksaan beliau dalam Borang *Pre Hospital Care* No. Rujukan 0055705. A24 tidak membawa mayat JR

ke hospital dan meninggalkannya bagi urusan pihak polis.

- 5.26 **Dr. Goon Hoong Tatt** (A25) adalah Pegawai Perubatan di Hospital Pulau Pinang sejak Oktober 2012 di Jabatan Pembedahan. Pada 27.5.2013, A25 menjadi doktor pembantu kepada A21 bagi menjalankan *post mortem* ke atas mayat JR. A21 adalah merupakan Ketua Jabatan Forensik Pulau Pinang. A25 hanya membantu A21 bagi membuat pemeriksaan luaran ke atas badan JR dan catatan diserahkan kepada A21 bagi penyediaan laporan. A25 mengesahkan laporan dan keterangan A21 adalah seperti mana yang disediakan di dalam laporan *post mortem* A21.
- 5.27 **Puan Siti Norlela binti Ishak** (A26) adalah Pegawai Sains di Unit Makmal Dadah, Jabatan Patalogi Hospital Pulau Pinang sejak 1.12.2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian (Bio Kimia) dari UKM pada tahun 1989. Di antara tugas A26 adalah untuk melakukan ujian pengesan dadah dalam air kencing. Pada 28.5.2013, A26 telah menerima serahan botol *berseal* yang mengandungi sampel air kencing JR daripada Konst. Lawrenceson anak Ajon. Setelah ujian saringan dijalankan didapati keputusan adalah negatif bagi morfin dan 11-Nor-Delta-9-Tetrahydrocannabinol-9-carboxylic-acid(THC). Seterusnya dari ujian saringan menggunakan teknik

EMIT (*Enzyme Multiply Immunosassay Technic*) dengan *cut off* morfin 300 ng/ml dan cannabinoid 100 ng/ml didapati bacaan adalah rendah bagi bacaan *cut off* iaitu bacaan OD (*optical density*) morfin sebanyak 0.209 dAbs/m berbanding bacaan *cut off* untuk morfin 0.246. Untuk ujian TLC bacaan ialah 0.279 dAbs/m berbanding bacaan *cut off* 0.358 dAbs/m. Kesimpulan ujian air kencing tidak mengandungi morfin dan TLC. Keputusan ujian kemudiannya telah diserahkan semula kepada Konst. Lawrenceson.

- 5.28 **Puan Yap Yook Mooi (A27)** bertugas di Unit Makmal dadah, Jabatan Patalogi, Hospital Pulau Pinang sebagai Juruteknologi Kanan. A27 telah memasuki perkhidmatan dengan Kerajaan sejak tahun 1989. Pada 28.5.2013, A27 telah membantu A26 menjalankan ujian air kencing JR dan membantu A21 mengisi butiran hasil ujian. A21 kemudiannya menandatangani laporan ujian. Sesalinan laporan ujian disimpan oleh makmal. Hasil ujian adalah sepertimana keterangan A26.
- 5.29 **Konst. Lawrenson anak Ajon (A28)** mengatakan pada 25.3.2013, A28 ada menyertai operasi TAPIS yang diselia oleh Kpl. Logason bagi menangkap penagih dadah. A28 mengatakan di dalam operasi itu beberapa orang penagih dadah telah ditangkap termasuk JR dan saringan ujian air kencing dibuat di IPD Timur Laut oleh Kpl. Jeffry (A1). A28

kemudiannya diarahkan untuk menjadi anggota pengiring bagi membawa lima tangkapan termasuk JR ke Lokap HQ untuk ditahan di sana. Selesai membuat penyerahan orang tahanan, A28 beredar dari Lokap HQ. Pada 28.5.2013, A28 menerima arahan dari SM Chranjit Singh untuk membuat serahan botol *berseal* yang mengandungi sampel air kencing JR ke Jabatan Patalogi Hospital Pulau Pinang. A28 telah membuat serahan tersebut. Pada 29.5.2013, A28 pergi semula ke Hospital Pulau Pinang bagi mengambil laporan hasil ujian dan menyerahkan laporan tersebut kepada SM Chranjit Singh.

- 5.30 **Encik Thangaveloo a/l Gopal** (A29) berumur 45 tahun. A29 sekarang bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan gaji RM1,200 sebulan. A29 mengatakan pada bulan Mei 2013 beliau telah ditangkap oleh sepasukan polis kerana penagihan dada. Selepas saringan ujian air kencing, A29 telah ditahan di sel No. 5 Lokap HQ. A29 adalah tahanan pertama yang ditempatkan di sel No. 5 bersama seorang lelaki Cina berumur 50an. Selepas dua lagi lelaki dimasukkan ke sel No. 5 menjadikan jumlah 4 orang. Selang sehari selepas itu terdapat 5 lagi lelaki dimasukkan ke sel No. 5 termasuk JR. A29 kenal JR yang beliau panggil sebagai “Boy” kerana A29 dan JR tinggal berdekatan kampung di Kompleks Times Square, Georgetown. A29 mengatakan pada masa berada di lokap, JR tidak makan dan banyak tidur dan

macam orang mabuk. A29 mengatakan JR ada mengatakan dia tidak hisap dadah. A21 mengatakan JR tidak makan pada malam itu walaupun makanan diberikan. Pada tengah malam, A29 ada melihat JR bangun pergi ke tandas. Pada keesokan hari lebih kurang jam 9.00 pagi, A29 melihat JR bangun dari tempat tidur kayu dan pergi ke tandas. JR kemudian baring di atas simen sebelah jeriji lokap. Sebelum tidur, JR ada minta lelaki Cina tidak menyanyi kerana dia ingin tidur. JR tidur dan tidak lagi bangun. A29 ada mendengar macam bunyi orang mengerang kerana tersedu dua tiga kali dan melihat JR telah tidur. Pada lebih kurang jam 10.00 pagi, anggota polis memanggil nama JR tetapi JR tidak bangun. A29 pergi mengejutkan JR tetapi masih tidak bangun. Oleh itu A29 memanggil anggota lokap bagi memberitahu keadaan JR yang pada pendapat A29 telah meninggal dunia. Menurut A29, sepanjang tempoh ditahan di sel No. 5, JR tidak dipukul, tidak disoal siasat dan tidak jatuh. JR juga tidak makan.

- 5.31 **Encik Nathan a/l Ponusamy** (A30) berumur 63 tahun. A30 mengatakan pada bulan Mei 2013, A30 telah ditangkap oleh polis kerana dadah. Selepas ujian air kencing diambil, A30 telah ditahan di Lokap HQ di sel No. 5. Ketika dimasukkan ke dalam sel. No. 5, telah ada tiga tahanan lain di dalamnya, menjadikan empat orang semuanya. Selepas itu lima orang lagi tahanan dimasukkan ke sel No. 5 menjadikan jumlah tahanan

sembilan orang dalam sel No. 5 dan salah seorang tahanan tersebut adalah JR. A30 mengatakan sepanjang berada dalam tahanan tersebut tidak ada pergaduhan berlaku dan tiada aduan tentang tahanan sakit. Tidak ada juga tahanan yang dipukul. Pada keesokan harinya JR yang dikenali sebagai “*fit boy*” telah meninggal dunia. A30 mengatakan semasa ditahan, JR tidak banyak bercakap dan banyak tidur. A30 ada melihat JR bangun pada lebih kurang jam 9.00 pagi dan selepas itu JR baring di atas simen tepi sel No. 5. Tidak berapa lama kemudian, anggota polis datang ke sel no. 5 panggil nama tetapi JR tidak bangun. A30 cuba membantu mengejutkan JR tetapi JR masih tidak bangun. A30 mengatakan pada pagi itu selepas A30 bangun jam 6.00 pagi, A30 tidak tidur semula. A30 mengatakan beliau melihat JR bangun dua kali, iaitu pada tengah malam dan pada jam 9.00 pagi untuk kencing. A30 mengatakan sepanjang berada di sel No. 5, beliau tidak nampak JR mengambil makanan atau minuman.

- 5.32 **Encik Ramli bin Harun** (A31) berumur 60 tahun. A31 mengatakan pada 25.5.2013, A23 telah ditangkap bagi kesalahan dadah dan kemudiannya lebih kurang jam 1.00 petang di tahan di Lokap HQ. A31 mengatakan JR juga dimasukkan lokap yang sama dengan A31 iaitu di sel. No.5. A31 mengatakan sepanjang ditahan di lokap itu, tidak terdapat sebarang pergaduhan di lokap. A31 juga tidak melihat JR bergaduh atau

dipukul. A31 melihat JR tidak bangun ketika orang-orang tahanan hendak dibawa ke mahkamah bagi reman pada pagi 26.5.2013. A31 telah ditahan reman selama enam hari dan semasa di lokap tersebut A31 mendapat tahu JR telah meninggal dunia pada 26.5.2013.

- 5.33 **Datuk Mortadza bin Nazarene** (A32) berjawatan Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM Bukit Aman sejak 15.12.2012. A32 menyertai PDRM pada tahun 1984. Di antara tanggungjawab A32 sebagai Pengarah Jabatan Pengurusan, termasuk ke atas perkara pentadbiran, perkhidmatan dan perjawatan PDRM dan termasuk pengurusan lokap-lokap seluruh Malaysia. Menurut A32 bagi pengurusan lokap, terdapat Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN BHG. A 118 (D59). Secara ringkasnya PPKPN BHG. A 118 tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:

Para 3 : tanggungjawab am dan pentadbiran lokap polis

Para 6 : alasan bagi tahanan yang sah

Para 7 : pengasingan orang-orang tahanan

Para 8 : layanan tahanan di lokap polis

Para 9 : pemeriksaan kesihatan ke atas tahanan

Para 10: tahanan yang mengalami kecederaan atau sakit

Para 11: lawatan ke atas tahanan di dalam

lokap

- Para 12: harta benda orang-orang tahanan
- Para 13: makanan orang tahanan
- Para 14: pakaian untuk orang tahanan
- Para 15: latihan jasmani
- Para 16: hak keagamaan
- Para 17: kanak-kanak bersama tahanan wanita
di dalam lokap polis
- Para 24: pemeriksaan lokap polis
(oleh Pegawai Perubatan)
- Para 25: pemeriksaan lokap (oleh KPD dan
lain-lain pegawai)
- Para 26: kebersihan
- Para 27: catatan di dalam Buku Perharian Balai
- Para 28: pergerakan orang-orang tahanan
- Para 29: eskot orang tahanan
- Para 30: pengawal lokap
- Para 31: lokap hospital
- Para 32: kematian dalam lokap
- Para 33: soal siasat
- Para 36: senjata di dalam lokap
- Para 37: wanita hendaklah diperiksa oleh wanita
- Para 39: perintah tetap KPD
- Para 40: penentuan hak asasi sewajarnya
diberi kepada tahanan.

Para 32 adalah keadaan kematian di dalam lokap polis. Sekiranya berlaku kematian orang tahanan di lokap polis, tindakan segera dikehendaki diambil

mengikut PTKPN B103 (melaporkan kejadian) dan PTKPN D232 (laporan mati mengejut) berkaitan dengan kematian mengejut dan juga seksyen 329 dan 334 Kanun Tatacara Jenayah iaitu siasatan mengenai sebab-sebab kematian.

Di bawah B103 – kejadian mati mengejut hendaklah dilaporkan dengan segera melalui telefon atau semboyan “serta merta” atau emel kepada Pusat Kawalan Malaysia (MCC) Bukit Aman yang akan bertanggungjawab untuk melaporkannya kepada Ketua Polis Negara (KPN) atau Timbalan Ketua Polis Negara (T/KPN) dan lain-lain pegawai yang patut tahu mengikut perintah tetap pegawai bertugas.

Di bawah D232 – para 16.1 mengatakan apabila berlaku kematian dalam tahanan polis, hospital atau penjara atau di mana-mana tempat tahanan, pegawai yang mengawal orang tahanan berkenaan atau yang menjaga orang tahanan berkenaan, dikehendaki serta merta menyampaikan maklumat kematian tersebut kepada Majistret yang berhampiran, dan jika perlu akan diadakan inkues untuk menentukan sebab kematian.

Menurut A32 lagi, jika sekiranya kematian orang tahanan disebabkan oleh perlakuan jenayah anggota/pegawai, tindakan siasatan akan dijalankan bagi tujuan pendakwaan jenayah dibuat.

Dari aspek tatatertib, sekiranya anggota / pegawai didapati melakukan suatu kesalahan jenayah atau tatatertib yang serius, pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan mengikut Peraturan 43 atau 44 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau mengikut seksyen 78 Akta Polis 1967. Adalah menjadi kelaziman di mana seksyen 78 Akta Polis 1967 digunakan bagi tindakan tahan kerja dan penggantungan kuasa anggota / pegawai terlibat semasa siasatan berjalan. Setelah mana-mana pegawai dituduh di mahkamah dan disabitkan dengan kesalahan, maka tindakan gantung kerja di bawah Perkara 28(6) atau perkara 45 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 akan dikenakan sehingga kes pegawai tersebut diputuskan oleh lembaga tatatertib yang bersidang yang akan memutuskan samada buang kerja, turun pangkat dan sebagainya.

Menurut keterangan A32 lagi, peraturan-peraturan dan SOP berkaitan lokap dimasukkan di dalam silibus kursus dan latihan konstabel dan pegawai dan ia juga termasuk perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan bagaimana mengendalikan tahanan berpenyakit kronik dan merbahaya.

A32 juga mengatakan dalam mematuhi kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953, pemeriksaan fizikal ke atas orang tahanan yang hendak ditahan lokap perlu dibuat oleh anggota / pegawai dan jika didapati terdapat kecederaan fizikal, orang tahanan akan dihantar untuk pemeriksaan dan rawatan perubatan. Ini termasuk tahanan yang mengadu sakit.

[Catatan: JR mempunyai enam (6) rekod sabitan dan kesalahan lampau berkenaan kes dadah, termasuk di bawah Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK), seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan seksyen 39A(1) ADB 1952].

6. ANALISA DAN DAPATAN SIASATAN

(a) Terma Rujukan (i), (ii) dan (iii)

6.1 Saksi-saksi seperti Kpl. Jeffry bin Abdullah (A1), Kpl. Logason a/l Ramiah (A2), Kpl. Abdul Rahman bin Makeshot (A3), Encik Hamid bin Taib (A40) dan Konst. Lawrenceson anak Ajon (A28) adalah merupakan anggota pasukan polis yang melakukan tangkapan ke atas JR pada 25.5.2013 lebih kurang jam 12.45 tengah hari di hadapan Balai Raya Jalan Patani, Georgetown di bawah operasi TAPIS bagi menangkap penagih dadah di sekitar Bandaraya Georgetown. Kesalahan JR

adalah disyaki sebagai penagih dadah. Ketika ditangkap JR tidak melawan atau bertindak agresif. Kesemua saksi-saksi tersebut menyatakan tiada kekerasan fizikal digunakan semasa tangkapan JR. JR kemudiannya ditahan di Lokap HQ di sel No. 5 pada jam lebih kurang 4.20 petang pada hari yang sama, iaitu 25.5.2013 setelah saringan air kencing JR yang diuji oleh A1 mendapati positif dadah morfin. A1 membuat laporan polis di atas tangkapan dan ujian air kencing sebagaimana laporan polis Jalan Patani Repot/005854 (D1). Ketua Lokap di Lokap HQ yang menerima serahan JR ialah Kpl. Rohizan bin Yahya (A6) dan JR di tempatkan di sel No. 5. A6 membuat catatan penerimaan JR tersebut dalam Buku Senarai *Lock-Up* bagi Orang Salah Yang Belum Dijatuhkan Hukuman (D10) bertarikh 25.5.2013 nombor siri 1762. A6 juga mencatatkan pergerakan masuk JR ke dalam lokap di dalam Buku Daftar Keluar/ Masuk OKT Lokap HQ bertarikh 25.5.2013 (D6). Penerimaan JR dan orang tahanan lain juga dicatatkan di dalam Buku Perharian Balai (D13). Tujuan tahanan ke atas JR adalah bagi tahanan 24 jam sebelum proses reman dibuat pada 26.5.2013 (Ahad).

- 6.2 Anggota Ketua Lokap HQ bagi giliran tugas bermula jam 3.00 petang 25.5.2013 hingga jam 11.00 malam 25.5.2013 ialah Kpl. Rohizan bin Yahya (A6). A6 mengambil alih tugas Ketua Lokap HQ daripada Kpl. Zainuddin bin Ibrahim (A20). Ambil alih tugas dicatatkan

dalam Buku Perharian Lokap (D13). Sebagai ketua lokap, anggota dikehendaki bertugas satu jam lebih awal dari dua lagi anggota pasukannya, bagi membolehkan pertukaran dan ambil alih pasukan bertugas lokap berjalan dengan lancar. Pada jam 4.00 petang, Konst. Mohamad Khairol Adzhar bin Ishak (A7) dan Konst. Mohd Rijalulah bin Rayah (A8) melapor diri bertugas di Lokap HQ dari jam 4.00 petang hingga jam 12.00 tengah malam. Setiap pasukan bertugas lokap dianggotai oleh tiga anggota, iaitu 1 Kpl. dan 2 anggota konstabel A7 dan A8 juga bersama-sama A7 semasa menerima serahan JR bagi ditahan di Lokap HQ. JR dimasukkan ke dalam sel No. 5 pada jam lebih kurang 4.20 petang bersama empat lagi tahanan lain. Empat tahanan lain tersebut ialah Encik Ramli bin Harun (A31), Encik Mahendra Kumar a/l Ramasamy, Encik Tan Choo Kee dan Encik Heng Chok Hin. Ketika JR dimasukkan ke sel No. 5, di dalam sel No. 5 telah ada empat orang tahanan yang lain, termasuk Encik Thangaveloo a/l Gopal (A29) dan Encik Nathan a/l Ponusamy (A30). Oleh itu terdapat 9 orang tahanan dalam lokap sel No. 5 pada 25.3.2013. Sel No. 5 yang boleh menempatkan 10 orang tahanan.

Keterangan A6, A7 dan A8 mengatakan sepanjang mereka bertugas pada petang hingga malam hari itu, tidak terdapat sebarang pergaduhan atau kejadian yang luar biasa berlaku di dalam sel No. 5. A6, A7 dan A8 juga dapat memerhatikan pergerakan orang tahanan dalam semua sel-sel melalui CCTV yang terdapat di

dalam kawasan lokap tersebut. Tiada sebarang aduan juga tentang mana-mana tahanan jatuh sakit. A6, A7 dan A8 ada membuat rondaan berkala di kaki lima sel-sel di dalam lokap tersebut. Rondaan tersebut dibuat catatan dalam Buku Perharian Balai (D13).

- 6.3 Pada jam 11.00 malam 25.5.2013 tugas A6 sebagai ketua lokap diambil alih oleh Kpl. Lee Heng Kok (A10) yang bertugas sebagai Ketua Lokap HQ dari jam 11.00 malam 25.5.2013 hingga jam 7.00 pagi 26.5.2013. Ambil alih tugas dicatatkan dalam Buku Perharian Lokap (D13). Pada jam 12.00 tengah malam 25.5.2013 dua anggota lokap iaitu Konst. Noor Azam bin Zainuddin (A12) dan Mohd Azlan bin Dius (A13) melapor diri bertugas untuk pasukan A10. A12 dan A13 bertugas hingga jam 8.00 pagi 26.5.2013. Semasa A10, A12 dan A13 ambil alih tugas hingga selesai tugas, sel No. 5 kekal dengan 9 orang tahanan. A10, A12 dan A13 ada membuat rondaan berkala di sel-sel lokap di samping memantau keadaan sel-sel di dalam lokap melalui monitor CCTV yang terdapat di ruang pejabat lokap. Rondaan lokap dicatatkan dalam Buku Perharian Balai (A13). A10, A12 dan A13 mengatakan sepanjang masa mereka bertugas tiada sebarang pergaduhan, atau apa-apa kejadian yang luar biasa berlaku di dalam sel-sel lokap. Tiada juga aduan dari mana-mana tahanan berkaitan tahanan jatuh sakit. Hasil rondaan di sel-sel lokap dicatatkan dalam Buku Perharian Lokap (D13).

- 6.4 Pada jam 7.00 pagi 26.5.2013 (Ahad), tugas A10 sebagai Ketua Lokap HQ diambil alih oleh Kpl. Selvanathan a/l Copusamay (A15). A15 bertugas dari jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang 26.5.2013 sebagai Ketua Lokap HQ. Ambil alih tugas dicatatkan dalam Buku Perharian Lokap (D13). Pada jam 8.00 pagi dua anggota tugas lokap iaitu Konst. Nik Mohd Azmin bin Mat Hussin (A16) dan Konst. Alias bin Mohamad (A17) melapor diri bagi bertugas dalam pasukan A15. A16 dan A17 bertugas dari jam 8.00 pagi hingga jam 4.00 petang. A15, A17 dan A18 membuat rondaan di sel-sel lokap dan mendapati keadaan baik. Hasil rondaan dicatatkan di dalam Buku Perharian Lokap (D13). Sel No. 5 masih kekal dengan 9 orang tahanan.
- 6.5 Keterangan tentang bekalan makanan dan minuman di dalam lokap melihatkan pada jam lebih kurang 7.00 petang 25.5.2013, A6 dengan bantuan A7 mengedarkan makanan makan malam kepada orang-orang tahanan dengan cara meletakkan bungkus makanan dan cerek minuman serta bekas untuk minuman di bahagian luar sel berhampiran jeriji sel yang boleh dicapai oleh orang tahanan. Bagaimanapun A6, A7 dan A8 tidak pasti sama ada JR yang berada di sel. No. 5 ada mengambil makanannya. Pada jam 7.30 pagi 26.5.2013, A15 mengarahkan A16 dan A17 mengedarkan makanan minuman pagi kepada orang tahanan. Menu pagi itu ialah nasi lemak bungkus

sambal ikan bilis dan kopi O. A15, A16 dan A17 tidak pasti samada JR mengambil makanannya. Keterangan oleh Encik Thangaveloo a/l Gopal (A29) dan Encik Nathan a/l Ponusamy (A30) bagaimanapun mengatakan JR tidak makan atau minum ketika berada dalam lokap itu walaupun makanan dan minuman ada diberikan. Keterangan oleh Dato' Dr. Bhupinder Singh (A21) yang melakukan bedah siasatan ke atas mayat JR mengesahkan pemeriksaan dalaman perut JR melihatkan kosong tanpa apa-apa makanan. Jumpaan fakta yang kukuh yang boleh disimpulkan dari keterangan yang terdapat ialah JR telah tidak mengambil makanan atau minuman sepanjang masa JR berada di dalam tahanan dari masa ditangkap pada jam 12.45 tengah hari 25.5.2013 hingga kematiannya pada jam sekitar 10.00 pagi pada 26.5.2013.

- 6.6 Keterangan tentang keadaan JR semasa di dalam tahanan sel No. 5 boleh juga dilihat dari keterangan tahanan yang berada bersama JR di sel no. 5 tersebut iaitu Encik Thangaveloo a/l Gopal (A29), Encik Nathan a/l Ponusamy (A30) dan Encik Ramli bin Harun (A31). Kesemua A29, A30 dan A31 mengatakan JR tidak dipukul semasa berada dalam sel No. 5 dari mula masuk pada lebih kurang jam 4.20 petang 25.3.2013 hingga masa kematiannya sekitar jam 10.00 pada 26.5.2013. A29 dan A30 juga mengatakan JR lebih banyak tidur semasa berada di situ. Keterangan A29 dan A30 juga melihatkan pada tengah malam

25.5.2013 dan jam sekitar 9.00 pagi 26.5.2013 mereka melihat JR bangun dan pergi ke bilik air dan selepas itu berbaring semula di tempat JR dijumpai telah meninggal dunia, iaitu di atas simen sel No. 5 berhadapan jeriji sel. Berdasarkan keterangan oleh A29 dan A30 tersebut, JR masih hidup sekitar jam 9.00 pagi pada 26.3.2013. Sepanjang berada di sel No. 5, JR tidak dibawa keluar dan tiada mana-mana anggota lokap atau pegawai memasuki ke dalam sel No. 5. Ia juga dapat disahkan melalui pemeriksaan Pasukan Petugas ke atas rakaman CCTV bagi sel No. 5.

- 6.7 Keterangan Kpl. Shaari bin Lazim (A18) dan Kpl. Sabberi bin Abdullah (A19) melihatkan mereka tiba di Lokap HQ pada lebih kurang jam 10.00 pagi 26.5.2013 bagi urusan mengambil 22 orang tahanan dari Lokap HQ untuk proses reman. Nama tahanan terdapat dalam senarai untuk reman dan ianya termasuk nama JR yang berada di tempat pertama senarai (D6). Nama tahanan A31 juga terdapat sama di baris kedua senarai tersebut (D6). Bagaimanapun A18 dan A19 tidak dapat membawa JR ke mahkamah bagi proses reman kerana JR telah didapati tidak sedarkan diri. Keterangan yang ada ini menunjukkan JR telah tidak sedarkan diri pada pukul 10.00 pagi. A29 dan A30 juga membantu A16 untuk membangunkan JR tetapi JR tidak bangun.
- 6.8 Keterangan oleh Encik Rueben Isaac Muthuswami (A24) melihatkan beliau tiba dengan ambulan dari

Hospital Pulau Pinang ke Lokap HQ pada jam 11.18 pagi 26.5.2013. Beliau terus memeriksa JR dan mengesahkan JR telah meninggal dunia. A24 menganggarkan JR telah meninggal dunia lebih kurang satu jam. Keterangan A24 tentang jangka masa JR meninggal dunia mendapat sokongan oleh keterangan A18 dan A19 iaitu anggota pengiring yang mengatakan mereka tiba di Lokap HQ pada sekitar jam 10.00 pagi tetapi tidak dapat membawa JR bagi reman kerana JR didapati tidak sedarkan diri. Keterangan A24 juga melihatkan JR tidak mengalami sebarang pendarahan atau tanda-tanda dipukul atau lebam dan tiada sebarang kecederaan pada tubuh badan JR.

- 6.9 Keterangan oleh Dato' Dr. Bhupinder Singh (A21) pakar patalogi dan Dr. Goon Hoong Tatt (A25) Pegawai Perubatan Jabatan Patalogi / Forensik yang membantu A21 membuat bedah siasatan mayat JR pada pagi 27.5.2013 mengesahkan JR tidak terdapat sebarang kecederaan luar pada tubuh badan JR. A21 juga mengesahkan tiada kecederaan atau pendarahan pada bahagian kepala dan bahagian dalaman badan JR. A21 membuat kesimpulan bahawa sebab kematian JR adalah disebabkan "*Alcoholic Liver Disease with Myocardial Fibrosis*" atau dengan kata lain akibat daripada penyakit hati yang berpunca dari pengambilan alkohol dan dadah yang berlebihan. Berdasarkan kepada keterangan A21, A25 dan A24 boleh disimpulkan bahawa JR tidak mengalami sebarang

kecederaan luaran mahupun kecederaan dalaman semasa ditemui mati. Keterangan A21 tentang ketiadaan kecederaan pada tubuh badan JR adalah konsisten dengan keterangan A24 yang mula-mula memeriksa JR. Suruhanjaya menerima keterangan A21, A24 dan A25 tersebut tanpa keraguan kerana mereka adalah saksi bebas. Keterangan A21, A24 dan A25 serta A29, A30 dan A31 juga adalah konsisten dan menyokong keterangan A1, A2, A3, A4 dan A28 bahawa tiada kekerasan fizikal dilakukan terhadap JR ketika tangkapan JR.

- 6.10 Keterangan Dr. Parvindarjit Kaur (A22) melihatkan JR adalah seorang penagih dadah sejak tahun 2011 dan mendapat rawatan di bawah program terapi gantian methadone dengan kaedah pengambilan *syrup methadone*. Rekod rawatan menunjukkan JR menerima rawatan tersebut sehingga 24.5.2013 (sehari sebelum ditangkap). Keterangan A22 juga mengatakan methadone tidak boleh diambil bersama alkohol. Keterangan melihatkan JR ada mengambil alkohol ketika ditangkap. Keterangan A22 tersebut mendapat sokongan dari keterangan A21 yang membuat kesimpulan bahawa JR adalah “penagih arak dan dadah yang tegar”.

- 6.11 Keadaan ketagihan dadah dan pengambilan alkohol oleh JR juga digambarkan oleh ibu JR sendiri iaitu Puan Paruwadey a/p Arumokam (A23). A23 mengakui

JR mula mengambil dadah sejak umur 29 tahun dan telah ditangkap beberapa kali. A23 juga mengakui JR juga mengambil arak. A23 mengakui JR pernah mendapat rawatan bagi pemulihan ketagihan dadah. JR meninggal dunia ketika berumur 45 tahun. Keterangan A21 berkaitan penyakit dan sebab kematian JR adalah konsisten dengan keterangan A23 dan A22. Kesimpulannya, JR telah didapati mengambil *methadone* dan alkohol secara bersama walaupun dilarang oleh A22 dan ianya menyebabkan situasi “*overdose*” yang menjadikan JR tidak sedarkan diri dan mendatangkan gangguan kepada jantung, *nerve system* dan mental JR.

- 6.12 Kesimpulannya, Suruhanjaya mendapati kematian JR tidak disebabkan atau berpunca daripada apa-apa penggunaan kekerasan fizikal oleh anggota atau pegawai PDRM yang terlibat dengan penangkapan dan tahanan JR. JR adalah seorang penagih dadah dan alkohol yang tegar dan akibat daripada itu telah mengalami penyakit hati yang kronik yang telah membawa kepada kematianya sendiri.
- 6.13 Dapatan (*findings*) di atas dengan itu telah menjawab perenggan (i) dan (ii) Terma-Terma Rujukan yang diberikan kepada Pasukan Petugas dalam penyiasatan kematian JR.

(b) Terma rujukan (iii) dan (iv)

6.14 Keterangan oleh A32 telah menzahirkan bahawa terdapat **Perintah Tetap Ketua Polis Negara** yang dikenali sebagai **PTKPN BHG. A 118** (D59) diwujudkan bagi pengurusan lokap-lokap polis di seluruh negara. Dokumen ini diklasifikasikan sebagai “Dokumen Terhad”. Oleh yang demikian, laporan ini hanya akan memetik perkara-perkara material yang relevan dengan terma-terma rujukan tanpa keperluan untuk keseluruhan dokumen tersebut dibuat pendedahan.

6.15 Perkara 2 PTKPN BHG. A 118 tersebut mengatakan perintah tetap tersebut adalah dipakai bersama dengan **Kaedah-Kaedah Lokap 1953** yang melibatkan tahanan di dalam semua lokap polis. PTKPN BHG. A 118 juga telah memberi panduan perkara atau langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh anggota dan pegawai dalam menguruskan orang tahanan dan apabila berlaku kematian tahanan di dalam lokap polis.

6.16 Perkara 7 PTKPN BHG. A118 menghendaki supaya orang-orang tahanan diasingkan mengikut kategori yang ditetapkan dan termasuk orang mabuk, pengidap HIV, kanak-kanak, wanita dalan lainnya. JR ditahan kerana kesalahan berkaitan pengambilan dadah dan ketika ditahan juga dikatakan mabuk. Walau

bagaimanapun tiada pengasingan tempat tahanan dibuat terhadap JR.

6.17 Perkara 26 PTKPN BHG A118 perkara tentang kebersihan menghendaki “KPD bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan orang-orang tahanan, lokap dan bilik air di lokap berkenaan. Orang-orang tahanan harus diberikan kemudahan untuk membasuh pakaian dan menggunting rambut. Pakaian hendaklah sentiasa ditukar apabila perlu.” Bagaimanapun lawatan oleh Pasukan Petugas menerima aduan oleh anggota bahawa anggota lokap kerap mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi membekalkan kemudahan di dalam lokap. Dengan gaji yang kecil, anggota lokap yang rata-ratanya terdiri dari konstabel yang tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk mengeluarkan wang sendiri bagi mengadakan kemudahan di lokap-lokap.

6.18 Perkara 9 PTKPN BHG A118 (D59) menghendaki Timbalan Penjaga Lokap “mengaturkan pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan ke atas semua tahanan yang telah dijatuhkan hukuman yang dimasukkan ke dalam lokap dengan secepat mungkin.” Perenggan ini di antara lain merujuk kepada kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953. Bagaimanapun di bawah kaedah 10 tersebut pemeriksaan ke atas orang tahanan oleh Pegawai Perubatan bukan sahaja ke atas orang tahanan yang telah dihukum dan akan ditahan di

penjara tetapi juga merangkumi orang tahanan yang belum dijatuhkan hukum yang hendak ditahan di penjara (lokap) seperti mana yang didefinisikan di bawah kaedah 2 Kaedah-Kaedah Lokap 1953.

6.19 Perkara 10 PTKPN BHG A118 pula menghendaki supaya orang “tahanan yang didapati mengalami kecederaan atau sakit, akan dibawa kepada pegawai perubatan yang terdekat, tidak kira sama ada ada apa-apa pengaduan yang dia diserang atau dicederakan dibuat. Sekiranya terdapat pengaduan berkaitan dengan serangan atau dicederakan dibuat oleh tahanan, satu siasatan hendaklah dijalankan oleh Ketua Polis Daerah (KPD) atau oleh seorang pegawai kanan polis di bawah arahannya dan laporan penuh hendaklah dikemukakan kepada Ketua Polis Negeri”. Perkara yang berbangkit di sini ialah adakah terdapat satu mekanisme di mana orang tahanan benar-benar berpeluang membuat pengaduan tersebut dan repurkasi daripada pengaduan itu terhadap orang tahanan yang berada di bawah jagaan dan kawalan pihak polis. Adalah menjadi satu kemusykilan sama ada perkara ini ada dipraktikkan walaupun ia diperuntukkan.

6.20 Perkara 24 PTKPN BHG A118 menghendaki supaya Pegawai Perubatan dari Jabatan Kesihatan tempatan memeriksa lokap polis yang diwartakan apabila diminta berbuat demikian oleh KPD. Suruhanjaya berpendapat satu jadual pemeriksaan yang lebih konsisten wajar

diadakan bagi pemeriksaan kebersihan lokap secara berkala dapat dilakukan oleh Pegawai Perubatan atau Pegawai Kesihatan.

6.21 Selain daripada PTKPN BHG. A118, di peringkat negeri terdapat Perintah Tetap dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah (KPD) berkaitan tugasan dan pengurusan lokap di bawah bidang kuasa KPD masing-masing. Bagi IPD Timur Laut, Georgetown di mana Lokap HQ terletak, terdapat **Perintah Tetap KPD Timur Laut – Pengurusan Lokap** yang meliputi Lokap HQ di IPK, Lokap Juvana Lelaki (di Balai Polis Central) dan lokap cawangan khas (D11). Lokap cawangan khas juga terletak di IPK. Di bawah Perintah Tetap KPD, A9 diberikan tanggungjawab sebagai Timbalan Pegawai Penjaga Lokap (Ketua Balai). Keseluruhannya terdapat 13 lokap di bawah IPD Timur Laut.

6.22 Lokap HQ di mana JR ditahan mempunyai 14 sel tahanan di dalamnya dengan diberikan nombor sel 1 hingga 14. Lokap HQ ini diwartakan pada 19.3.1979 di bawah warta PU(B) 579/79. Setiap sel boleh memuatkan 10 orang tahanan. Ini bermakna Lokap HQ boleh menempatkan 140 orang tahanan pada satu-satu masa. Lokap HQ ini dikhaskan bagi tahanan kes-kes kesalahan dadah (penagih). KPD Timur Laut adalah Pegawai Penjaga Lokap IPD Timur Laut. Di bawah perkara 6.3 Perintah Tetap KPD tersebut, A9 selaku Timbalan Pegawai Penjaga Lokap bertanggungjawab

untuk membuat lawatan ke setiap lokap (3 lokap di bawah jagaan A9) dua kali pada setiap hari. Bagaimanapun menurut A9, pada amalannya beliau hanya dapat membuat lawatan sekali sehari ke tiga buah lokap tersebut kerana terdapat tugas lain yang perlu dijalankan. Lawatan oleh Timbalan Penjaga Lokap (A9) akan dicatatkan dalam Buku Perharian Balai (*Station Diary*). Pasukan Petugas telah membuat lawatan ke Lokap HQ tersebut. Daripada 14 sel yang terdapat di Lokap HQ, hanya sel No. 1 yang tidak digunakan untuk menempatkan tahanan, sebaliknya digunakan sebagai tempat untuk menempatkan bekalan makanan dan tempat bagi menyediakan makanan tahanan apabila makanan dibekalkan. Semua sel tersebut diawasi oleh CCTV yang beroperasi 24 jam, kecuali sel No. 1 tiada CCTV. Unit CCTV juga terdapat di hadapan pintu masuk lokap dan di kawasan hadapan lorong kaki lima sel-sel lokap. CCTV juga terdapat di bahagian ruang belakang lokap. Monitor CCTV terdapat di bilik Ketua / Pengawal Lokap. Setiap sel terdapat bilik air di dalamnya. Jadual makanan ditetapkan di bawah Perintah Tetap KPD. Ketua Lokap bertanggungjawab memastikan setiap tahanan di dalam lokapnya dibekalkan dengan makanan. Apabila meletakkan makanan di hadapan kawasan sel-sel, anggota lokap akan memberitahu makanan kepada tahanan bahawa telah sampai dan terpulang kepada tahanan sama ada mahu makan atau tidak. Selepas satu jam, anggota lokap akan datang mengambil

sampah-sampah dari sisa makanan. Terdapat juga amalan di mana disebabkan tahanan sedang tidur semasa makanan dibekalkan, maka sampah makanan tahanan itu akan dikutip kemudian bagi membolehkan tahanan makan setelah terjaga dari tidur. Terdapat satu pangkin kayu bersaiz besar di dalam setiap sel sebagai tempat tahanan tidur. Kawalan lokap dibahagikan kepada tiga *shift* dalam tempoh 24 jam, setiap satu pasukan mengandungi tiga anggota, iaitu 1 koperal sebagai ketua lokap dan dua anggota konstabel. Ketua Lokap akan bertugas sejam lebih awal bagi membolehkan urusan pertukaran *shift* dan anggota dapat dibuat dengan lancar. Makanan akan dibekalkan sebanyak tiga kali dalam sehari, iaitu minuman pagi, makan tengah hari dan makan malam. Menu makanan akan di tetapkan di bawah Perintah Tetap KPD. Di bawah Perkara 39 PTKPN BHG. A118 diperuntukkan bahawa KPD boleh mengeluarkan Perintah Tetap KPD bagi pengurusan terperinci lokap, seperti kaedah penyimpanan kunci lokap, pemeriksaan ke atas makanan sebelum diberikan kepada orang tahanan (amalan ketua lokap ialah memadai memeriksa satu bungkusan sahaja), barang larangan, tanggungjawab ketua lokap, rancangan kecemasan jika berlaku kebakaran dalam lokap, atau tahanan melarikan diri atau percaduhan dalam lokap. Setiap tahanan akan diberikan pakaian lokap, iaitu seluar dan baju. Tahanan dibenarkan mempunyai satu helai sapu tangan kecil

bagi mengelap badan. Tahanan dibenarkan memakai pakaianya sendiri ketika dibawa ke mahkamah.

6.23 Setiap lokap dikehendaki mempunyai buku daftar berikut: **(i) Buku Daftar Keluar / Masuk OKT** (D6) – bagi mendaftarkan setiap kemasukan pergerakan kemasukan dan keluar orang tahanan dari lokap termasuk tarikh dan masa dan nama orang tahanan (D6); **(ii) Buku Senarai Lock-Up Bagi Orang-Orang Salah yang Belum Dijatuhkan Hukuman** (D10)- yang mencatatkan butiran nama tahanan dan keputusan terhadap orang tahanan seperti dibebaskan, didenda, dipenjara atau masih berada di lokap polis, **(iii) Buku Perharian Lokap (*Station Diary*)** (D13) – bagi mencatatkan aktiviti lokap seperti rondaan lokap, tarikh dan masa rondaan, keadaan lokap dan keadaan orang tahanan, **(iv) Buku Lawatan Pegawai Lokap** (D15) - untuk mencatatkan nama pegawai, tarikh dan masa lawatan dan keadaan lokap, **(v) Buku Daftar Makanan Lokap** (D14) - bagi mencatatkan menu makanan dan minuman yang dibekalkan kepada orang tahanan pada setiap hari. Melalui catatan dalam **Buku Daftar Makanan Lokap** (D14), pada jam 7.00 malam 25.5.2013, makanan malam berikut dibekalkan kepada orang tahanan: nasi putih, ikan goreng, sayur bendi kuah kicap, biskut dan air sirap. Pada 26.5.2013 bagi minum pagi pada jam 7.30 pagi, orang tahanan dibekalkan dengan makanan berikut: nasi lemak dan sambal ikan bilis, dan kopi O. Pada jam 1.00 petang

26.5.2013, orang tahanan dibekalkan makanan tengah hari berikut : nasi putih, kuah kari, lauk ikan dan sayur kubis, dan air oren; dan **(vi) Buku Resit POL.56** (D8) – bagi mendaftarkan butiran harta orang tahanan.

6.24 Kesimpulannya, pengurusan lokap polis adalah tertakluk kepada empat dokumen protokol berikut: (i) Kaedah-Kaedah Lokap 1953, (ii) Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN BHG. A118), (iii) Perintah Tetap Ketua Polis Daerah (Perintah Tetap KPD), dan (iv) Akta Penjara 1995 (Akta 537).

7. PROSIDING INKUES DI MAHKAMAH KORONER, PULAU PINANG

7.1 Selain daripada siasatan yang telah dilakukan oleh Pasukan Petugas yang telah dibentangkan di atas, satu prosiding Inkues No. 65A-1-5/14 berkenaan kematian JR dalam tahanan polis telah diadakan di Mahkamah Koroner, Georgetown pada tarikh-tarikh seperti berikut:

- (a) 16 dan 17.10.2014;
- (b) 10 dan 11.11. 2014; dan
- (c) 10, 11 dan 12 .12. 2014.

7.2 Prosiding inkues tersebut telah dijalankan oleh Hakim Koroner, Pulau Pinang, iaitu Puan Zaharah binti Hussein (Hakim Mahkamah Sesyen). Sepanjang prosiding inkues

berlangsung, seramai 19 orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah. Saksi-saksi adalah: Kpl. Shaari bin Ibrahim, jurufoto gambar *post mortem*, Dato' Dr. Bhupinder Singh (A2), Kpl. Zainuddin bin Ibrahim (A20), Kpl. Jeffry bin Abdullah (A1), Konst. Abdul Mu'ti, jurufoto gambar lokap, Kpl. Rohizan bin Yahya (A6), Kpl. Lee Heng Kok (A10), Kpl. Mahizan bin Abdullah, jurufoto juga untuk gambar lokap, Kpl. Shabberi bin Abdullah (A19), Konst. Mohd Rijallulah bin Rayah (A8), Kpl. Selvanathan a/l Copusamy (A15), Konst. Nik Mohd Azmi bin Mat Husin (A16), ASP Khalil bin Khalid, Pegawai Penyiasat kes kematian JR, Puan Suriati binti Saidin, Ahli Kimia, Jabatan Kimia Malaysia cawangan Pulau Pinang yang memberi keterangan berkaitan ujian contoh darah dan air kencing JR didapati mengandungi "86 miligram *ethyl* alkohol per 100 mililiter darah" iaitu satu tahap alkohol yang tinggi bagi individu, Dr. Parvenderjit Kaur (A22), Encik Rueben Isaac Muthuswami (A24), SM Charanjit Singh (A5), dan Kpl. Somu, anggota yang menguruskan bagi mendapatkan rakaman CCTV Lokap HQ. Berdasarkan senarai saksi-saksi yang memberi keterangan semasa prosiding inkues, hampir keseluruhan saksi adalah juga merupakan saksi-saksi yang telah memberi keterangan kepada Pasukan Petugas.

- 7.3 Suruhanjaya ini telah mengambil bahagian di dalam prosiding inkues. Suruhanjaya diwakili oleh Pengarah Bahagian Operasi, Penasihat Undang-undang dan Pengarah Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi.

7.4 Di akhir prosiding inkues, Hakim Koroner, setelah mengambil kira kesemua keterangan saksi serta bukti-bukti yang telah dikemukakan kepada Mahkamah, memutuskan bahawa kes kematian JR sebagai '***misadventure***' khususnya berdasarkan kepada keterangan oleh Dato' Dr. Bhupinder (A21) dan Dr. Parvinderjit Kaur (A22).

8. SYOR DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

(a) Terma Rujukan (iii)

Berdasarkan hasil siasatan yang telah dijalankan, keterangan lisan serta dokumentar yang telah diteliti, perkara-perkara berikut dicadangkan sebagai penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kualiti pengurusan lokap dan orang tahanan serta mengelakkan insiden kematian orang tahanan semasa berada di dalam lokap polis dan lokap-lokap lain yang dimiliki oleh agensi penguatkuasaan:

8.1 Pendekatan klasifikasi orang tahanan hendaklah diubah bagi mengelaskan penagih dadah tegar sebagai "pesakit" dan bukannya "penjenayah". Selepas tangkapan, mereka hendaklah dibawa ke pusat (klinik) perubatan/kesihatan bagi pemeriksaan dan rawatan dan seterusnya ditempatkan di wad atau lokap khas yang membolehkan rawatan pemeriksaan berterusan oleh Pegawai Perubatan dapat dilakukan.

- 8.2 Menguatkuasakan kepatuhan kepada Kaedah 10 Kaedah-kaedah Lokap 1953 yang menghendaki Pegawai Perubatan membuat pemeriksaan kesihatan ke atas orang tahanan ketika mula ditahan di lokap.
- 8.3 Mengadakan mekanisme yang mudah dan efektif bagi membolehkan orang tahanan dapat membuat aduan ke atas jenis penyakit atau sebarang kecederaan yang dialaminya yang dapat diuruskan dengan berkesan oleh Pegawai Penjaga Lokap (KPD) bagi membolehkan rawatan segera diberikan ke atas orang tahanan.
- 8.4 Mengadakan “*refresher course*” atau “*refresher training*” yang berterusan secara berkumpulan dan berperingkat-peringkat kepada semua anggota lokap berkaitan pengurusan lokap dan dokumen protokol yang terpakai dalam pengurusan lokap dan orang tahanan.
- 8.5 Mengadakan tatacara / SOP khusus untuk mengendalikan tahanan narkotik atau penagih alkohol dan mabuk (*high risk arrestee*) dan lain-lain seperti kanak-kanak dan orang trauma.
- 8.6 Menambahkan bilangan dan keupayaan CCTV (*storage capacity, high resolution* dan berwarna) bagi menjadikan rakaman lebih jelas dan data dapat disimpan lebih lama untuk tujuan rekod.

- 8.7 Tatacara / SOP khusus disediakan berhubung pengendalian rakaman CCTV bagi memastikan rakaman CCTV boleh digunakan sebagai bahan bukti terutama apabila melibatkan kes kematian semasa dalam tahanan.
- 8.8 Memberi kemudahan kepada anggota yang terlibat menjaga tahanan narkotik untuk membuat pemeriksaan perubatan berkala dalam memastikan tahap kesihatan mereka terpelihara. Anggota tersebut perlu diberikan pendedahan secukupnya berhubung langkah-langkah keselamatan dalam mengendalikan tahanan narkotik yang berisiko tinggi menghadapi HIV/AIDS.
- 8.9 Dokumen protokol seperti Perintah Tetap Ketua Polis Negara – Pengurusan Lokap (PTKPN BHG. A118); Perintah Tetap Ketua Polis Daerah (Perintah Tetap KPD), Kaedah-Kaedah Lokap 1953 disediakan sesalinan dan ditempatkan di bilik Ketua Lokap untuk bacaan dan rujukan anggota lokap semasa bertugas.
- 8.10 Memperketatkan pematuhan oleh pegawai dan anggota bertugas lokap ke atas Perintah-Perintah Tetap PTKPN BHG. A118 dan Perintah Tetap KPD dan Kaedah-Kaedah Lokap 1953.
- 8.11 Menentukan lokap-lokap dibekalkan dengan kemudahan dan jagaan yang lebih sempurna termasuk dalam perkara keperluan asas bilik air seperti sabun mandi dengan

- mengambil kira faktor keselamatan, dan menentukan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi bagi lokap.
- 8.12 Mengkaji semula kekerapan keperluan rondaan oleh anggota lokap dengan mengambil kira peranan CCTV dan jumlah keanggotaan anggota lokap.
- 8.13 Memastikan keluarga orang tahanan diberitahu jika terdapat tahanan jatuh sakit dan menerima rawatan hospital.
- 8.14 Membekalkan setiap orang tahanan dengan satu botol air minuman mineral bersaiz sederhana pada setiap hari sepanjang mereka berada dalam tahanan.

9. PENGHARGAAN

Suruhanjaya ingin merakamkan penghargaan kepada semua ahli Pasukan Petugas, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Jamil bin Johari dan Encik Lim Chee Wee iaitu dua orang perunding kepada Pasukan Petugas, YBhg. Dato' Samarajoo a/l Manikam iaitu Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pulau Pinang, dan semua pihak yang telah memberikan bantuan serta kerjasama dalam penyiasatan ini.

10. SENARAI LAMPIRAN-LAMPIRAN

- (a) Gambar:
 - (i) Tempat JR ditangkap pada 25.5.2013.
 - (ii) Sekitar dalam Lokap HQ tempat JR ditahan.
 - (iii) JR sewaktu ditemui mati pada 26.5.2013.
- (b) Jalan Patani Rpt/005854/13.
- (c) Central Rpt/002622/13.
- (d) Gambar Lokap HQ.
- (e) Rajah Kasar Kedudukan Lokap HQ.
- (f) Gambar rakaman CCTV Lokap HQ tarikh 25.5.2013 dan 26.5.2013.
- (g) Laporan Kimia No. Makmal 13-FR-P-00709.
- (h) Laporan *Post Mortem* No. A241/13.

Disediakan oleh:

Pasukan Petugas
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
Tarikh: 26.1.2015

LAMPIRAN-

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

GAMBAR:

- (i) Tempat JR ditangkap pada 25.5.2013**
- (ii) Sekitar dalam Lokap HQ tempat JR ditahan**
- (iii) JR sewaktu ditemui mati pada 26.5.2013**



BALAI RAKYAT JALAN PATANI GEORGE TOWN

TEMPAT JAMES RAMES A/L RAMASAMY DITAHAN OLEH ANGGOTA NARKOTIK

BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK DAERAH TIMUR LAUT




TEMPAT JAMES RAMES A/L RAMASAMY DITAHAN OLEH ANGGOTA NARKOTIK

BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK DAERAH TIMUR LAUT



PINTU MASUK KE DALAM LOKAP



DIWARTAKAN NO. P.U(B) 579/79 ORD LOKAP NO. 81/52




SEL NO. 1 YANG TIDAK DIGUNAKAN UNTUK MENEMPATKAN TAHANAN.

TIADA CCTV DITEMPATKAN DI SEL INI.




SEL NO. 5 LOKAP IPK (HQ) DIBAWAH PENGAWASAN BALAI POLIS CENTRAL, PULAU PINANG

TEMPAT JAMES RAMESH DITEMUI MATI



KEDUDUKAN CCTV DALAM SEL NO. 5 LOKAP HQ IAITU BERADA DI BAHAGIAN ATAS SUDUT SEBELAH
KANAN DIBELAKANG JARING DAN JERIJI SEL




PEJABAT LOKAP YANG MENEMPATKAN MONITOR PEMANTAUAN CCTV



KEDUDUKAN CCTV DALAM SETIAP SEL IAITU DISUDUT ATAS SEBELAH KANAN

KECUALI SEL NO 1 TIDAK MENEMPATKAN CCTV




RUANG PEJABAT LOKAP MENEMPATKAN CCTV DI SUDUT ATAS




PANGKIN KAYU DALAM SEL DAN DI BELAKANG DITEMPATKAN TANDAS




TEMPAT JAMES RAMESH A/L RAMASAMY BERBARING PADA 26.5.2013 IAITU DI ATAS SIMEN DIANTARA JERIJI SEL DAN PANGKIN KAYU DALAM SEL NO 5 DENGAN KEPALA BERADA BERHAMPIRAN DINDING SEL



**RUANG BERSEBELAHAN PEJABAT LOKAP MENEMPATKAN BILIK SOLAT DAN RUANG LUAR DIGUNAKAN
SEBAGAI TEMPAT PEGAWAI PENYIASAT MENEMUBUAL OKT**



CCTV YANG DITEMPATKAN DI PINTU MASUK PEJABAT LOKAP MEMFOKUS KEPADA
PINTU MASUK UTAMA LOKAP



LOCK UP RULES YANG DIGANTUNG DI DALAM LOKAP

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAL LOKAP					
KETUA	PENGAWAL BILIK	PENGAWAL TAMAN			

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAL LOKAP



GAMBAR MENUNJUKKAN KEDUDUKAN JAMES RAMESH A/L RAMASAMY DIRAKAM OLEH
JURUGAMBAR POLIS SEMASA SIASATAN KEMATIAN PADA 26.5.2013

LAMPIRAN B

JALAN PATANI

RPT/005854/13



POLIS DIRAJA MALAYSIA
REPORT POLIS

Balai : PEJIPD GEORGE TOWN
Debrah : TIMUR LAU (GEORGETOWN)
Kontingen : PULAU PINANG
No Repot : JALAN PATANI/005854/13
Tarikh : 25/05/2013
Waktu : 1407 PM
Bahasa Diterima : BM/Malaysia

Bulin/buli/Penentuan Repot

Nama : JEFFRY BIN ABDULLAH

No Personel/IR : 14709

Pangkat : KPL

Bulin/buli/Jurubahasa/dikta Ada)

Nama : —

No K/P (Baru)

No Polis/Tentera : —

No Pasport : —

Bahasa Asal

Alamat : —

Bulin/buli/Pengadu

Nama : D(KP) Jeffry Bin Abdullah

No Polis/Tentera : RP 14709

No Pasport : —

No K/P (Baru) : —

No Sijil Beranak : —

Jantina : Lelaki

Tarikh Lahir : 14/12/1980

Umur : 33 tahun 0 bulan

Keturunan : Cina

Warganegara : Malaysia

Pekerjaan : Pegawai Polis

Alamat Tempat Tinggal : Desa Mawar, Lintang Kg. Melayu 2, Air Itam, Pulau Pinang

Alamat Juridik : —

Alamat Pejabat : JSJN IPD Timur Lau, Pulau Pinang

No Tel(Rumah) : —

No Tel (Pejabat) : 04-2181869

No Tel (HP) : —

Pengadu Menyatakan :

Pada 25hb Mei 2013 jam lebih kurang 1245 hrs, saya bersama D(KP) 91494, 121410, KPL 114604, 126215 dan Kons. 174072 telah lahan (2) (L) (I) dan (2) (U) (M) di hadapan Balai Rayu Jalan Patani, Georgetown, Pulau Pinang. Selepas memperkenalkan diri polis, say periksa buli/buli pendeklan dan mereka adalah seperti berikut.

1) Nama : SURESHKUMAR A/L MUNIANDY,

KIP : 780511-075769

Alamat : 2G-09-09, Medan Angsana Salu, Bandar Baru 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang

Ketibaan Buruh(MPPP), Akademik, Tingkafah 2, Status: Kahwin

No. Botol SNI D395075

2) Nama : JAMESH RAMESHLAL RAMASAMY (AKUAN MULUT)

KIP : Tak Ingat

Alamat : 12B, Jalan Kelang, Georgetown, Pulau Pinang

Ketibaan Tidak Akademik, Darjah 6, Status: Bulang

No. Botol SNI D395063

3) Nama : RAHMI BIN HARUN (AKUAN MULUT)

KIP : 47772/4

Alamat : 111A, Jalan Singgora, Georgetown, Pulau Pinang

Ketibaan Tidak Akademik, Darjah 6, Status: Bulang

No. Botol SNI D395098

4) Nama : ABDUL KARIM BIN R. SHAHUL HAMID

KIP : 590813-715357

Alamat : 107, Jalan S.P. Chellian, Georgetown, Pulau Pinang

No. Botol SNI D395097

Seterusnya saya bawa kesemuanya penama di atas ke Pejabat JSJN IPD Timur Lau untuk menjalankan ujian sarungan ewel air kencing pada 26hb Mei 2013 jam lebih kurang 1400 hrs dengan menggunakan Test Strip Lot MOP 1090025 dan Test Strip Lot THC 1090023 dan hasilnya diperbolehkan air kencing penama No. 2 Positif MORPHINE dan penama No. 3 Positif THC. Mahakela penama No. 1 dan No. 4 Negatif dari depon cera dibersentakan sepanjang sifat alergi terhadap O Injek. Khalil. Saya lengkap penama No. 2 dan No. 3 untuk hindarkan selanjutnya. Sebab sebab lengkap

dan haknya untuk diwakili oleh peguam telah diberitahu kepada penerima yang dilangkap mengikut Sek. 28 A Kanan Prosedur Jenayah setia dan tulus. Tiada rampasan / kekerasan beraku semasa langkapan dan pemeriksaan dilakukan.

Sekian laporan saya.

Tanda tangan Pengadu

Tanda tangan Jurubahasa (Jika ada):

Tanda tangan Penerima Rep

Salinan Report Pertama

LAMPIRAN C

CENTRAL RPT/002622/13



**POLIS DIRAJA MALAYSIA.
REPOT POLIS**

Balai : CENTRAL
Daerah : TIMUR LAUT (GEORGETOWN)
Kontinjen : PULAU PINANG
No Repot : CENTRAL/002622/13
Tarikh : 26/05/2013
Waktu : 1128 AM
Bahasa Diterima : B. Malaysia

Butir-butir Penerima Repot

Nama : ZAINUDDIN BIN IBRAHIM No Personel : R117139 Pangkat : KPL
Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada)
Nama : — No K/P (Baru) : — No Polis/Tentera: —
No Paspot: — Bahasa Asal : —
Alamat: —

Butir-butir Pengadu

Nama : Zainuddin bin Ibrahim
No K/P (Baru) : — No Polis/Tentera : RF117139 No Paspot : —
No Sijil Beranak : —
Jantina : Lelaki Tarikh Lahir : 24/11/1966 Umur : 46 tahun 6 bulan
Keturunan : Melayu Warganegara : Malaysia
Pekerjaan : PDRM
Alamat Tempat Tinggal : Balai Polis Central
Alamat Ibu/Bapa : —
Alamat Pejabat : —
No Tel (Rumah) : — No Tel (Pejabat) : — No Tel (HP) : 0124003376

Pengadu Menyatakan:-

Pada jam lebih kurang 1100 pagi, 26/05/2013, semasa saya bertugas di Balai Polis Central telah terima panggilan telefon daripada Kpl. 152203, Konst. 172420, 183529 memberitahu 1/L /India telah tidak sedarkan diri di dalam lokap HQ IPK Pulau Pinang, Jalan Penang. Saya menghubungi ambulan untuk tindakan selanjutnya. Hasil pemeriksaan pegawai perubatan bernama Ruben Isaac Muthuswamy memberitahu lelaki tersebut sudah meninggal dunia, butir-butir si mati bernama James Ramesh-a/l Ramasamy (kad pengenalan tiada), alamat No. 12, Jalan Kajang, George Town, Pulau Pinang. Sekian laporan saya.

Tandatangan Pengadu:

Tandatangan Jurubahasa(Jika ada) :

Tandatangan Penerima Repot:


Salinan Yang Disahkan


(Tidak Boleh Digunakan Untuk Tuntutan Atau Perbicaraan Di Mahkamah)

(Tandatangan & Cop Pegawai Pengesah)

LAMPIRAN D

GAMBAR LOKAP HQ








2



3



4





7



8



9



10



11

LAMPIRAN E

RAJAH KASAR KEDUDUKAN

LOKAP HQ


RAJAH KASAR KEDUUKUKAN LOKAP (HQ) @ BALAI CEN, RAL DI IPK P.PINANG
(DIWARTAKAN NO. PU.(B) 5979/79 ORDINAN LOKAP NO.81/52 TARikh 19/03/1979)

PINTU MASUK

1 2 3

4 5 6

LORONG BAHAGIAN BELAKANG



LOKER BARANG-BARANG OKT TAHANAN LOKAP




- BUUK 1 - 3 STOR BARANG
- BUUK 4 - BUKUZ REPOT (HQ)
- BUUK 5 - BILIK PERSALINAN
- BUUK 6 - TEMPAT SOLAT


SEL 1 @ ROSAK —
DIGUNAKAN UNTUK
PENYEDIAAN
MAKAN OKT

KEUASAN SEL LOKAP
PANJANG 197 KAKI X 37 LEBAR
KAPASITI 1 SEL = 10 OKT
JUMLAH KESELUURUHAN 140 OKT



LAMPIRAN F
GAMBAR RAKAMAN CCTV
LOKAP HQ
TARIKH 25.3.2013 DAN
26.3.2013




CAM 5




CAM 5










CAM 5





CAM 5
























LAMPIRAN G

LAPORAN KIMIA

NO. MAKMAL 13-FR-P-00709



JABATAN KIMIA MALAYSIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
DEPARTMENT OF CHEMISTRY MALAYSIA
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
Jalan Tull,
10450 Pulau Pinang



Tel : 04-222 8300
Fax : 04-222 8333

No. Makmal : 13-FR-P-00709

Tarikh : 10/09/2013

LAPORAN DI BAWAH SEKSYEN 399 KANUN TATAACARA JENAYAH

Saya SURIATI BINTI SHAIDDIN, Ahli Kimia dalam Perkhidmatan Kerajaan Malaysia dengan ini memperakui bahawa pada jam 1118 pada 28/05/2013 telah diserahkan kepada saya oleh Kpl. 127036 Marzuki Bin Arifin dua botol kaca masing-masing bertanda "1" dan "2" yang bermeterai "PERUBATAN FORENSIK PULAU PINANG-KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA".

Selepas diperiksa, saya mendapati kedua-dua botol kaca tersebut berlabel "JAMES RAMESH A/L RAMASAMY" dan masing-masing mengandungi spesimen darah dan air kencing.

Setelah dianalisis, saya mendapati keputusan analisis seperti berikut:

Spesimen	Keputusan analisis	
Darah	Ethyl alcohol	86 miligram per 100 mililiter darah
	Methadone	0.6 mikrogram per mililiter
Air kencing	Ethyl alcohol	98 miligram per 100 mililiter air kencing
	Methadone	Dikesan

KETUA POLIS DAERAH
TIMUR LAUT

No Repot Polis : CENTRAL 2622/13

S.K Pengarah Hospital
Hospital Pulau Pinang
(U.P Jabatan Perubatan Forensik/Dato' Dr. Bhupinder Singh A/l Jeswant Singh)

No. Autopsi; A241/13

Selepas diperiksa, eksibit itu telah dimasukkan ke dalam peket plastik keselamatan JABATAN KIMIA MALAYSIA dan diserahkan balik bersama-sama dengan laporan ini kepada:

(MOHAMAD KHALIL BIN KHALID) ASP.
Pegawai Pejabat-Kanan-Jenayah
Cawangan Siasatan Jenayah
Ibu Pejabat Polis Daerah
Timur Laut, P. Pinang.

pada jam 1500 pada 10 SEP 2013

SURIATI BINTI SHAIDDIN
Ahli Kimia
Jabatan Kimia Malaysia

MUKA 1 (MUKA AKHIR)

LAMPIRAN H
LAPORAN *POST MORTEM*
NO. A241/13



DEPARTMENT OF FORENSIC MEDICINE

HOSPITAL PULAU PINANG
JALAN RESIDENSI
10990 PULAU PINANG

Autopsy no : A 241/13
Police station : Central
Report no : 2622/13

REPORT OF POST MORTEM EXAMINATION
THE CASE OF: JAMES RAMESH A/L RAMASAMY

By virtue of a warrant of the 'Polis DiRaja Malaysia' (Dæerah Timur Laut, Balai Central Rpt. No. 2622/13), I Dato' Dr Bhupinder Singh, the undersigned, with Dr Goon Hoong Tatt, at 9.25 am on 27th of May, 2013, within the Penang Hospital Mortuary, carried out a post mortem examination on the remains of JAMES RAMESH A/L RAMASAMY, IC No – 731228-07-5463.

Age : 40 years
Sex : Male
Race : Indian
Date and time of admission : BID
Date and time of death : 26th of May, 2013 at 11.00 am

The body was identified by:

1. Police : ASP G / 15306 Mohammad Khalil bin Khalid
2. Police photographer : RF 92317 Shaari bin Ibrahim
3. Relative : Paruwadey a/p Arumokam (Mother)
IC No – 530821-07-5148

EXTERNAL EXAMINATION

The body was that of an average built adult Indian male measuring 170 cm in length. He had dark brown eyes, fixed and dilated pupils, and congested conjunctivae. His sclera was jaundiced. He had short black hair with white streaks, and a beard and moustache. He had a full upper denture while the lower teeth were natural. His fingernails and toenails were short. He had normal uncircumcised male genitalia. Rigor mortis was fully established and hypostasis was posterior.

CLOTHES AND PERSONAL EFFECTS REMOVED

1. A pair of three-quarters purple pants bearing the words "Lokap Polis".
2. A green underwear.
3. A yellow string with orange stripes on the right wrist.

MARKS OF TRAUMA OR VIOLENCE

1. An old scar on the medial aspect of the right wrist.
2. Multiple old scars on both legs.
3. An abrasion wound on the sacral region measuring 2.5X1 cm.

INTERNAL EXAMINATION

HEAD:

On reflection of the scalp, no injuries or fractures were seen. The meninges were intact. The brain which weighed 1200 g was oedematous and congested. A subarachnoid haemorrhage measuring

3 X 2 cm in size was seen over the right temporoparietal region. No sagittal sinus thrombosis or intra ventricular haemorrhage was seen.

MOUTH, THROAT AND NECK STRUCTURES:

The tongue, thyroid gland, larynx, carotid arteries, cervical muscles and cervical spine were normal. The hyoid bone was intact.

THORAX (CHEST):

The ribcage was intact and the pleural cavities were clean. There was no pneumothorax. The right lung weighed 560 g while the left lung weighed 500 g. They were congested and oedematous, with bullous lesions seen over both apical regions. There was no pulmonary embolus. The oesophagus, trachea, and air passages were clear.

The pericardium was intact and the heart weighed 260 g. No pericardial effusion was seen. The valves were normal and the coronary arteries were patent. The myocardium appeared healthy.

ABDOMEN:

The peritoneal cavity contained about 150 ml of straw-coloured ascitic fluid. The stomach was empty with angry-looking mucosa. The intestine, colon, and rectum were normal. The liver which weighed 2500 grams, showed a micro nodular surface with features of cirrhosis and fatty change. The gallbladder was distended. The pancreas appeared normal. The congested spleen weighed 300 grams while the kidneys which were congested and oedematous weighed 340 grams. No haemorrhage was seen in the adrenal glands. The bladder contained 5 ml of yellowish urine. The aorta showed fatty streaks.

SKELETON:

No fractures were seen.

GENITALIA:

No injuries were seen.

Blood Rapid Tests:

HIV : negative

Hepatitis B : negative

Hepatitis C : positive

Urine Rapid Test:

Positive for MDMA (3, 4-methylenedioxy-N-methylamphetamine).

Specimens taken and handed to the Police:

1. Blood for alcohol and toxicology.
2. Urine for alcohol and toxicology.

Specimens taken for Histopathology:

Brain, heart with coronary vessels, lungs, liver, spleen, kidneys, stomach wall.


Histopathology:

Representative sections taken on the:

- A. Brain: Show vascular congestion.
- B. Heart: Show areas of myocardial fibrosis. No areas of recent infarct seen.
- C. Lungs: Show marked vascular congestion with bullae formation and mild oedema.
- D. Liver: Show micro and macro steatosis with nodular cirrhosis and marked areas of fibrosis. Features of chronic hepatitis also seen.
- E. Kidneys: Show features of vascular congestion.
- F. Spleen: Show features of vascular congestion.
- G. Stomach: Show features of erosive gastritis.

CAUSE OF DEATH

ALCOHOLIC LIVER DISEASE WITH MYOCARDIAL FIBROSIS.



(DATO' DR BHUPINDER SINGH)

DATO' DR. BHUPINDER SINGH A/L JESWANT SINGH
(No. Pendapatan Penuh MPM: 23253)
Pakar Perunding Kanan Patologi Forensik JUSA C
Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang